






# MARI BELAJAR TENTANG ISLAM

HARUN YAHYA

الله  
رسور  
محمد



Wahai adik-adik!


Buku ini membicarakan tentang kekuasaan Allah yang telah menjadikan ibubapa kamu, kawan-kawan, malah semua manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, dan segala-galanya. termasuk bumi ini, matahari, bulan dan seluruh alam. Ia memperkatakan tentang kekuatan dan pengetahuan tidak terbatas Allah dan apa tuntutan-Nya dan larangannya kepada kita. Jangan lupa ini adalah perkara yang amat penting yang akan memberi manfaat kepada kamu!

#### PENGARANG BUKU INI



**P**engarang buku ini, yang telah menulis di bawah nama pena Harun Yahya, telah dilahirkan di Ankara pada 1956. Dia mempelajari seni di Universiti Mimar Sinan, Istanbul dan falsafah di Universiti Istanbul. Sejak 1980-an lagi, pengarang ini telah menerbitkan banyak buku berkaitan dengan isu-isu politik, agama dan sains. Sebahagian daripada buku beliau telah diterjemahkan kepada lebih 20 bahasa dan diterbitkan di banyak negara. Buku-buku Harun Yahya berjaya menarik pembaca dari semua golongan, Islam dan bukan Islam, tanpa mengira usia, bangsa, dan kerakyatan, kerana matlamatnya adalah satu: untuk membuka minda pembaca dengan menggalakkan mereka memikirkan isu-isu kritikal seperti kewujudan Allah dan kesatuan-Nya, dan mempamerkan kelemahan dasar-dasar dan hasil kerja sistem-sistem tidak bertuhan.

بسم الله الرحمن الرحيم



ISBN: 983-9384-42-2

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa juga carapun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Hakcipta Terpelihara © Terbitan Pertama Bahasa Melayu, Feb 2004



No. 1-2-1, Prima Peninsula, Jalan Setiawangsa 11,  
Taman Setiawangsa, 54200 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel: 6-03-42518792, 42510498  
Fax: 6-03-42562030  
<http://www.saba.com.my>  
E-mail: [absaba@tm.net.my](mailto:absaba@tm.net.my)

Terbitan Bahasa Inggeris oleh Ta-Ha Publishers Ltd., London, April 2000  
Judul Asal: Let's Learn Our Islam

Diterjemahkan oleh  
Rohidzir Rais

Penulis:  
**Harun Yahya**

Laman Web:  
<http://www.harunyahya.org>  
<http://www.harunyahya.com>  
<http://www.harunyahya.net>

*Dicetak oleh:*  
Innovation Paper Products Sdn. Bhd.  
(400991-V)

# Mari Belaajar Tentang **ISLAM**

Oleh

**HARUN YAHYA**

Terjemahan

**Rohidzir Rais**

Terjemahan Al-Qur'an

**Tafsir Bimbingan Ar-Rahman**

Terbitan



## ***Maklumat Mengenai Penulis***

Dengan menggunakan nama pena HARUN YAHYA, penulis buku ini telah menerbitkan banyak buku mengenai politik dan isu-isu berkaitan kepercayaan. Intipati penting tulisan-tulisan beliau adalah berhubung dengan paradigma materialistik dan kesannya terhadap sejarah dan politik dunia. (Nama penanya terbentuk hasil gabungan nama-nama 'Harun' (Aaron) dan 'Yahya' (John) sebagai kenangan abadinya terhadap dua orang Nabi yang telah bergelut menentang kemungkarannya.)



Antara hasil usahanya meliputi; The 'Secret Hand' in Bosnia, The Holocaust Hoax, Behind the Scenes of Terrorism, Israel's Kurdish Card, A National Strategy for Turkey, Solution: The Morals of the Qur'an, Darwin's Antagonism Against the Turks, The Evolution Deceit, Perished Nations, The Golden Age, The Art of Colour by Allah, The Truth of the Life of This World, Confessions of Evolutionists, The Blunders of Evolutionists, The Dark Magic of Darwinism, The Religion of Darwinism, The Qur'an Leads the Way to Science, The Real Origin of Life, Miracles

of the Qur'an, The Design in Nature, Self-Sacrifice and Intelligent Behaviour Models in Animals, Eternity Has Already Begun, Children Darwin Was Lying!, The End of Darwinism, The Creation of the Universe, Deep Thinking, Timelessness and the Reality of Fate, Never Plead Ignorance, The Miracle of the Atom, The Miracle in the Cell, The Miracle of the Immune System, The Miracle in the Eye, The Creation Miracle in Plants, The Miracle in the Spider, The Miracle in the Ant, The Miracle in the Gnat, The Miracle in the Honeybee.

Antara risalah-risalah terbitannya adalah; The Mystery of the Atom, The Collapse of the Theory of Evolution: The Fact of Creation, The Collapse of Materialism, The End of Materialism, The Blunders of Evolutionists 1, The Blunders of Evolutionists 2, The Microbiological Collapse of Evolution, The Fact of Creation, The Collapse of the Theory of Evolution in 20 Questions, The Biggest Deception in the History of Biology: Darwinism.

Hasil-hasil tulisan beliau yang berkaitan dengan Al-Quran adalah; Ever Thought About the Truth?, Devoted to Allah, Abandoning the Society of Ignorance, Paradise, The Theory of Evolution, The Moral Values of the Qur'an, Knowledge of the Qur'an, Qur'an Index, Emigrating for the Cause of Allah, The Character of Hypocrites in the Qur'an, The Secrets of the Hypocrite, The Names of Allah, Communicating the Message and Disputing in the Qur'an, The Basic Concepts in the Qur'an, Answers from the Qur'an, Death Resurrection Hell, The Struggle of the Messengers, The Avowed Enemy of Man: Satan, Idolatry, The Religion of the Ignorant, The Arrogance of Satan, Prayer in the Qur'an, The Importance of Conscience in the Qur'an, The Day of Resurrection, Never Forget, Disregarded Judgements of the Qur'an, Human Characters in the Society of Ignorance, The Importance of Patience in the Qur'an, General Information from the Qur'an, Quick Grasp of Faith 1-2-3, The Crude Reasoning of Disbelief, The Mature Faith, Before You Regret, Our Messengers Say, The Mercy of Believers, The Fear of Allah, The Nightmare of Disbelief, Prophet Isa Will Come, Beauties Presented by the Qur'an for Life, The Iniquity Called "Mockery", The Secret of the Test, The True Wisdom According to the Qur'an, The Struggle with the Religion of Irreligion, The School of Yusuf, The Alliance of the Good, Slanders Against Muslims Throughout History, The Importance of Following Good Word, Bouquet of the Beauties of Allah 1-2-3-4.

## ***Kepada Pembaca Yang Budiman***

Di dalam semua buku Harun Yahya, isu-isu agama dikupas berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan pembaca digalakkan mempelajari kalam Allah ini dan mengikutnya. Semua subjek berkaitan dengan ayat-ayat Allah dijelaskan dengan baik sehingga tiada ruang untuk merasa ragu atau menimbulkan persoalan di minda pembaca. Gaya yang lurus, sederhana dan fasih digunakan untuk memastikan setiap orang dari setiap peringkat umur dan dari setiap peringkat masyarakat dapat memahami buku-buku ini dengan mudah. Pengucapan yang jelas dan berkesan membolehkannya dibaca dengan mudah. Malah mereka yang menolak agama pun akan terpengaruh dengan fakta-fakta yang didedahkan di dalam buku-buku ini dan tidak dapat menyanggah kebenarannya.

Buku ini dan hasil-hasil kerja pengarang yang lain boleh dibaca bersendirian atau dibincangkan di dalam sebuah kumpulan dalam bentuk perbincangan. Pembaca yang muah mengambil manfaat dari buku-buku ini akan mendapatkan perbincangan sangat berguna kerana ia membolehkan mereka mengemukakan pemikiran dan pengalaman mereka sendiri kepada orang lain.

Tambahan pula, ia adalah kerja yang baik kepada agama untuk menyumbang kepada persembahan dan pembacaan buku-buku ini, yang ditulis semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah. Semua buku ini amat meyakinkan. Oleh itu, sesiapa yang hendak menyampaikan Islam kepada orang lain, salah satu caranya ialah dengan menggalakkan mereka membaca buku-buku ini.

Diharapkan pembaca akan mengambil masa untuk melihat tinjauan buku-buku lain di halaman akhir buku ini, dan menghargai sumber-sumber material isu-isu keagamaan, yang amat berguna dan baik untuk dibaca.

Di dalam buku-buku ini, kamu tidak akan menemui, seperti buku-buku lain, pandangan peribadi penulis, penjelasan dari sumber yang meragukan, gaya yang tidak sesuai dengan subjek, yang menimbulkan keraguan dan pesimistik yang mewujudkan kecelaruan di dalam hati.

# Kandungan

<b>PENDAHULUAN</b>	<b>10</b>
<b>ALLAH MENJADIKAN KITA SEMUA</b>	<b>12</b>
<i>Kewujudan Manusia</i>	14
<i>Bagaimana Hidupan Lain Wujud?</i>	26
<i>Penciptaan Alam Semesta</i>	30
<i>Allah Telah Menjadikan Segala Benda</i>	40
<i>Allah Menjadikan Setiap Manusia Dengan Takdirnya</i>	41
<b>ALLAH MENGUTUSKAN RASUL-RASUL DAN KITAB-KITAB</b>	<b>43</b>
<i>Manusia dan Nabi Pertama: ADAM (A.S.)</i>	49
<i>Nabi Nuh (A.S.)</i>	54
<i>Nabi Ibrahim (A.S.)</i>	58
<i>Nabi Musa (A.S.)</i>	63
<i>Nabi Yunus (A.S.)</i>	68
<i>Nabi Yusuf (A.S.)</i>	70
<i>Nabi Ayyub (A.S.)</i>	72
<i>Nabi 'Isa (A.S.)</i>	74
<i>Nabi Muhammad (S.A.W): Rasulullah</i>	77

<b>MUKJIZAT AL-QURAN</b>	<b>81</b>
<i>Bagaimana Cakerawala Ini Wujud</i>	82
<i>Orbit</i>	82
<i>Laut Tidak Bercampur Antara Satu Sama Lain</i>	84
<i>Bumi Yang Bulat</i>	85
<i>Cap Jari</i>	86
 <b>BAGAIMANAKAH AKHLAK YANG ALLAH KEHENDAKI?</b>	 <b>89</b>
<i>Menyintai Allah dan Meyakini-Nya</i>	91
<i>Bagaimana Kita Bergaul Dengan Masyarakat?</i>	95
 <b>BERIBADAT KEPADA ALLAH</b>	 <b>103</b>
<i>Berdoa Satu Jalan Mendekatkan Diri Kepada Allah</i>	106
 <b>KEMATIAN DAN KEHIDUPAN DI ALAM BAQA</b>	 <b>116</b>
<i>Alam Baqa</i>	118
<i>Syurga dan Neraka</i>	119
<i>Kesusahan Di Dunia Ini Membolehkan Kita Memahami Keindahan Syurga Dengan Lebih Baik</i>	120
<i>Seksaan Di Dalam Neraka Akan Berkekalan Selama-lamanya</i>	128
 <b>KESIMPULAN</b>	 <b>131</b>



## Pendahuluan

*H*ai... Adik-adik, di dalam buku ini kami akan membincangkan isu penting yang perlu kamu fikirkan dengan baik...

Di sekolah, guru-guru kamu pada mulanya mengajar kamu huruf-huruf. Kemudian diikuti dengan nombor dan pelajaran matematik. Tetapi pernahkah kamu fikirkan mengapa kamu perlu pergi ke sekolah dan mempelajari semua pelajaran-pelajaran ini?

Sebahagian kamu akan menjawab, ia adalah penting untuk mendapatkan pekerjaan lumayan apabila kamu dewasa. Ini bererti kamu hampir pasti bahawa kamu

akan dewasa suatu hari nanti. Akan sampai suatu masa apabila kanak-kanak di keliling kamu akan memanggil kamu, "Makcik, datuk atau pakcik..." seperti mana kamu memanggil makcik, datuk, atau pakcik kamu sekarang. Dengan kata lain kamu akan meningkat dewasa sekiranya Allah menghendakinya.

Bagaimanapun, kamu tidak akan membesar selama-lamanya. Setiap manusia beransur-ansur meningkat dewasa, tetapi suatu hari nanti mereka akan meninggal dunia dan memulakan kehidupan baru di akhirat. Inilah kebenarannya. Selepas melalui zaman kanak-kanak, kamu akan membesar menjadi seorang pemuda atau pemudi sehingga kamu mencapai usia datuk dan nenek kamu. Kemudian akan sampai masanya kamu memulakan kehidupan kamu di dunia akhirat.

Adik pergi ke sekolah sebagai persiapan di masa hadapan. Setiap orang perlu melakukan persediaan ini. Tetapi persiapan ini hanya terhad kepada kehidupan di dunia ini sahaja. Bagaimana keperluan kamu di akhirat kelak? Kamu juga perlu membuat persiapan untuk hari akhirat. Pernahkah adik memikirkannya?

Apabila kamu dewasa kamu perlu menampung kehidupan kamu, ini bererti kamu perlu bekerja. Kerana itulah kamu pergi ke sekolah. Begitu juga untuk mendapatkan kehidupan yang bahagia di akhirat, terdapat beberapa perkara yang perlu kamu lakukan. Yang paling penting ialah kamu hendaklah mengenali Allah Yang Maha Agung, dan bagaimana Dia menghendaki kita mengawal diri kita.

Di dalam buku ini kita akan membincangkan tentang kekuasaan Allah yang telah menjadikan ibu, ayah, dan kawan-kawan kamu, serta seluruh manusia, haiwan, tumbuhan, dan semua hidupan, termasuk bumi, matahari, bulan dan seluruh alam ini. Kita akan memperkatakan tentang kekuasaan Allah dan kebijaksanaan-Nya yang tidak terbatas dan mengetahui semua suruhan dan larangan-Nya. Jangan lupa, perkara ini sangat penting, ia akan memberi faedah yang besar kepada kamu!



## Allah Menjadikan Kita Semua

K

amu mungkin sering mendengar orang menyebut "Allah". Mereka sering menggunakan ayat seperti, "Semoga Allah memberkati mu", "Jika Allah izinkan", "In-sya-Allah" dan berbagai lagi.

Ini adalah kenyataan yang sering digunakan apabila seseorang itu mengingati Allah, berdoa kepada-Nya atau mengagungkan-Nya.

Contohnya, "Semoga Allah melindungimu", menunjukkan Allah mempunyai kuasa tidak

terbatas ke atas kamu dan semua benda – yang hidup atau yang mati - di sekeliling kamu. Hanya Allah yang dapat menyelamatkan kamu, ayah, ibu dan kawan-kawan kamu daripada kejahanan. Kerana itulah ayat ini sering digunakan ketika berlaku bencana alam atau peristiwa-peristiwa tidak diingini. Fikirkan sejenak: bolehkah ibu kamu, ayah atau sesiapa sahaja yang kamu kenali menyekat bencana alam ini, seperti banjir? Sudah tentu mereka tidak dapat melakukannya, kerana Allah yang menimpakan semua bencana ini ke atas manusia dan sudah tentu hanya Dia yang dapat menahannya.

Perkataan “In-sya-Allah” bererti “Jika Allah kehendaki”. Kerana itu, apabila kamu hendak melakukan sesuatu atau tidak mahu melakukan sesuatu, adalah penting kita berkata, “In-sya-Allah”. Kerana hanya Allah mengetahui masa hadapan.

Contohnya, jika seorang kawan kamu menyatakan, “Saya akan pergi ke sekolah esok”, dia telah melakukan kesilapan, kerana kita tidak tahu sama ada Allah akan membenarkannya berbuat demikian di masa hadapan. Mungkin dia akan sakit dan tidak dapat pergi ke sekolah atau keadaan cuaca yang buruk mungkin menyebabkan kelas dibatalkan.

Kerana itulah, kita menyebut “In-sya-Allah” apabila kita menyatakan sesuatu di masa hadapan, dan mengakui Allah mengetahui segalanya dan kita tidak mungkin mengetahui melebihi apa yang Allah ajarkan. Kerana itu kita hendaklah menghormati Tuhan kita yang mempunyai kekuasaan dan kebijaksanaan tidak terbatas.

Di dalam ayat Al-Quran, Allah memberitahu kita bahawa Dia mahukan supaya kita menyebut “In-sya-Allah”:

**Dan janganlah engkau berkata mengenai sesuatu (yang hendak dikerjakan): "Bahawa aku akan lakukan yang demikian itu, kemudian nanti".**

**Melainkan (hendaklah disertakan dengan berkata): "In-sya-Allah". Dan ingatlah serta sebutlah akan Tuhanmu jika engkau lupa; dan katakanlah: "Mudah-mudahan Tuhanku memimpinku ke jalan petunjuk yang lebih dekat dan lebih terang dari ini".**

(Surah Al-Kahfi:23-24)

Mungkin kamu kurang mengetahui isu-isu ini, tetapi itu tidak penting. Untuk membolehkan kamu mengenal Allah, apa yang perlu kamu lakukan ialah melihat sekeliling kamu dan berfikir.

Di mana sahaja terdapat keindahan yang menunjukkan kita ketinggian dan kekuasaan Allah yang tidak terbatas. Fikirkan tentang seekor arnab putih yang cantik, senyuman seekor ikan lumba-lumba, keindahan warna kepak rama-rama atau biru warna laut, kehijauan hutan, berbagai jenis bunga dan banyak lagi keindahan alam ini yang tidak terhitung. Allah telah menjadikan semua ini. Allah telah menjadikan seluruh alam yang kamu saksikan – dunia ini dan makhluk-makhluk di dalamnya – daripada tiada. Oleh itu, dengan melihat keindahan yang dijadikan-Nya, kamu dapat melihat kekuasaan-Nya yang tidak terbatas.

Telah nyata bahawa kewujudan kita adalah bukti kepada kewujudan Allah. Jadi mari kita fikirkan tentang kewujudan kita dan bagaimana Allah telah menjadikan kita dengan begitu sempurna.

## Kewujudan Manusia

Pernahkah kamu terfikir bagaimana manusia wujud? Kamu mungkin akan berkata, "Setiap orang mempunyai ibu bapa". Tetapi jawapan tersebut tidak tepat. Tambahan pula ia tidak menjelaskan kewujudan ibu bapa pertama – manusia pertama -. Kamu mungkin pernah mendengar cerita-cerita tentang subjek ini di sekolah atau orang-orang di sekeliling kamu. Jawapan yang tepat ialah, Allah

**Patutkah manusia itu berkata  
demikian dan tidak memikirkan  
bahawa Kami telah menciptakan dia  
dahulu sedang ia pada masa itu  
belum ada sebarang apapun?**

*(Surah Maryam: 67)*



telah menjadikan kamu. Kita akan mengkaji isu ini dengan lebih terperinci di dalam bab-bab berikutnya. Terdapat satu perkara yang perlu kita ketahui: Manusia pertama wujud di muka bumi ini ialah Nabi Adam *alaihis-salam*. Semua manusia berasal daripadanya.

Adam (A.S), juga seperti kita, seorang manusia yang berjalan, bercakap, bersembahyang dan menyembah Allah. Allah telah menjadikannya diikuti dengan isterinya. Kemudian anak-anak mereka tersebar ke seluruh dunia.

Jangan lupa Allah hanya perlu mengeluarkan arahan untuk mencipta. Apabila Dia menghendaki sesuatu, Dia mengeluarkan arahan “Jadi!” maka jadilah. Dia mempunyai kekuasaan untuk melakukan apa sahaja. Contohnya dia menjadikan Adam daripada tanah. Ia mudah bagi Allah.

Bagaimanapun, terdapat mereka yang menafikan kewujudan Allah. Mereka memberikan jawapan berbeza tentang kewujudan manusia. Mereka tidak mencari kebenaran.

Jika satu watak kartun berkata, “Saya terbentuk kerana dakwat tertumpah di atas kertas secara tidak sengaja. Cat juga telah



*Jika kanak-kanak di dalam gambar menyatakan, “Gambar saya ini telah dilukis oleh dakwat yang tumpah di atas sekeping kertas secara tidak sengaja”, sungguh ganjal, kerana kita mengetahui seorang artis telah melukisnya. Begitu juga, manusia itu aneh jika dia tidak menerima Allah telah menjadikannya.*

tertumpah secara kebetulan dan membentuk warna. Dengan kata lain, saya tidak perlukan sesiapa pun untuk melukis gambar saya atau membentuk saya. Saya dapat wujud sendiri, secara kebetulan”, kamu tentu tidak akan menghiraukannya. Kamu mengetahui garisan sempurna, warna dan aksi-aksi kartun tidak dapat terbentuk dengan tumpahan cat secara rawak, kerana tumpahan sebotol dakwat hanya akan menghasilkan kotoran; ia tidak mungkin membentuk sebuah gambar yang baik. Untuk menghasilkan sesuatu yang bermakna, seseorang perlu memikirkannya, merekanya dan kemudian melukisnya.

Untuk memahaminya, kamu tidak perlu berjumpa dengan artis atau pelukis. Kamu dapat mengerti dengan sendirinya bahawa kartunis telah memberikan watak-watak ini perwatakannya, bentuk dan warna, dan kebolehan bercakap, berjalan atau melompat.

Selepas contoh ini, fikirkan dengan serius perkara berikut; seorang yang tidak menerima bahawa Allah telah menjadikannya juga sebenarnya berbohong, seperti watak kartun tersebut.

Sekarang andaikan seorang lelaki bercakap dengan kita. Mari kita lihat bagaimana lelaki ini menjelaskan bagaimana dia dan semua manusia lain wujud:

“Saya, ibu bapa saya, ibu bapa mereka dan ibu bapa pertama pernah wujud telah wujud secara kebetulan. Kebetulan telah menjadikan tubuh badan kita, mata, telinga dan semua organ”.

Kata-kata lelaki ini, yang menafikan bahawa Allah telah menjadikannya, adalah mirip dengan kata-kata watak kartun tersebut. Perbezaannya hanya watak tersebut terbentuk daripada garisan-garisan dan warna di atas kertas. Lelaki yang menuturkan perkataan ini pula terbentuk daripada sel-sel. Tapi apa bezaanya? Bukankah lelaki yang menuturkan perkataan ini adalah organisma kompleks yang lebih sempurna daripada watak kartun? Bukankah dia mempunyai organ-organ lebih? Dengan kata lain, jika mustahil

watak kartun ini wujud secara kebetulan, sudah tentu lebih mustahil untuk lelaki ini terbentuk secara kebetulan. Sekarang kita soal lelaki ini beberapa soalan:

“Kamu mempunyai tubuh baik yang dapat berfungsi dengan sempurna. Tangan kamu dapat memegang objek dengan kemas – lebih baik daripada mesin-mesin moden. Kamu dapat berlari dengan kaki kamu. Kamu mempunyai penglihatan yang sempurna, lebih tajam daripada kamera paling berkualiti. Kamu tidak pernah mendengar bunyi desisan di dalam telinga kamu; tidak ada hi-fi yang dapat menghasilkan bunyi sebaik ini. Banyak organ bekerja bersama tanpa kamu sedari untuk membolehkan kamu hidup. Contohnya, walaupun kamu tidak dapat mengawal fungsi jantung kamu, buah pinggang atau hati, mereka beroperasi berterusan dengan sempurna. Hari ini, beratus-ratus pakar sains dan jurutera berusaha mereka mesin yang serupa dengan organ-organ ini. Tetapi mereka tidak berjaya. Dengan kata lain, kamu adalah makhluk sempurna, yang tidak dapat dihasilkan oleh manusia. Apa pandangan kamu?

Lelaki yang menafikan bahawa Allah telah menjadikan semua benda akan berkata:

“Saya juga mengetahui kita mempunyai tubuh badan yang sempurna dan organ-organ yang lengkap. Tetapi saya percaya seperti berikut: atom-atom mati telah bercantum secara kebetulan untuk membentuk organ-organ dan tubuh kita”.

Kamu pasti dapat mengesan betapa kata-kata ini tidak rasional dan aneh. Tidak kira berapa pun umurnya dan apa pun pekerjaannya, seseorang yang mendakwa sedemikian sudah tentu gagal berfikir dengan sempurna dan mempunyai idea yang salah. Mengejutkan, ramai pula yang mempercayai pemikiran tidak rasional ini.

Sedangkan mesin yang paling ringkas pun mempunyai penciptanya, sebuah sistem kompleks seperti manusia tidak

mungkin dapat wujud secara kebetulan. Tidak dapat dinafikan, Allah telah menjadikan manusia pertama. Allah juga menjadikan sistem di dalam badan manusia pertama ini untuk membolehkannya membiak dan mewujudkan generasi pengganti. Allah menjamin bangsa manusia akan berterusan dengan satu program yang dimasukkan ke dalam sel. Kita wujud kini kerana program yang Allah jadikan ini dan terus berkembang. Apa yang akan kamu baca tentang subjek ini di dalam halaman-halaman berikut akan dapat memberikan kamu kefahaman yang lebih baik tentang kenyataan bahawa Allah. Pencipta kita, mempunyai kekuasaan dan kebijaksanaan yang tidak terbatas.

*Semua organ robot berteknologi tinggi masih kelihatan kasar dan primitif berbanding dengan organ manusia. Allah menjadikan manusia dengan sempurna dan setiap inci tubuh manusia membuktikannya.*





*Mata kita dapat melihat lebih terang daripada kamera paling sensitif, telinga kita dapat mendengar lebih jelas daripada mikrofon dan sistem stereo terbaik. Tidak diragukan sifat-sifat hebat tubuh kita tidak mungkin wujud secara spontan. Semua sistem-sistem hebat di dalam tubuh kita, Allahlah yang telah menjadikannya.*



## Program Sempurna Di Dalam Tubuh Kita

Di dalam halaman lepas, kami telah menyebutkan tentang satu program sempurna yang Allah masukkan ke dalam tubuh manusia. Terima kasih kepada program ini, setiap manusia mempunyai mata, telinga, tangan dan gigi. Sekali lagi terima kasih tentang program ini, walaupun berbeza dari segi penampilan, tetapi secara kasarnya semua manusia adalah serupa. Kita mirip dengan ahli keluarga kita, dan orang lain pula mempunyai karakter khas disebabkan oleh program ini. Contohnya, orang Cina dan Jepun secara kasarnya adalah mirip di antara satu sama lain, dan orang Afrika pula mempunyai warna kulit, raut muka, struktur mulut dan mata yang unik.

*Selain daripada perbezaan wajah di antara bangsa-bangsa, setiap orang berkongsi beberapa sifat asas yang tidak berubah, mulut, hidung, mata dan telinga. Disebabkan program-program berbeza yang Allah masukkan ke dalam tubuh manusia, setiap orang mempunyai karakter asas yang sama, walaupun wajah mereka kelihatan berbeza.*



Sekarang kita jelaskan program ini dengan contoh berikut:

Kamu perlu tahu bagaimana komputer beroperasi. Seorang pakar mereka bentuk komputer. Pakar-pakar di dalam kilang khas dengan bantuan teknologi-teknologi canggih juga menghasilkan komponen-komponen pelengkap seperti pemeroses mikro, monitor, papan kekunci, CD, pengeras suara dan lain-lain. Sekarang kamu mempunyai sebuah mesin yang mampu memproses operasi

*Untuk membolehkan sebuah komputer beroperasi, perisian yang dikenali sebagai "program" diperlukan. Seorang manusia dapat hidup disebabkan oleh maklumat yang sama seperti perisian yang Allah tempatkannya di dalam gen-gen kita.*



kompleks. Kamu boleh bermain permainan atau menulis apa sahaja yang kamu kehendaki. Tetapi untuk melakukannya kamu perlukan perisian yang dikenali sebagai “program”. Tanpa program-program, yang disediakan khas oleh pakar, komputer kamu tidak akan dapat beroperasi.

Tambahan pula, kita tahu tidak semua program serasi dengan semua komputer, ini bererti pemprogram mesti mengetahui komputer dan perisian yang serasi dengannya. Seperti yang kita lihat, seseorang itu memerlukan sebuah mesin dan satu program tertentu untuk menghidupkan sebuah komputer. Jika tiada siapa yang mencipta dan mengeluarkan semua benda-benda ini, komputer kamu tidak akan dapat berfungsi.



*Tubuh manusia mempunyai sistem yang jauh lebih kompleks daripada sebuah komputer. Walaupun tiada siapa yang mendakwa komputer ini wujud secara kebetulan, tetapi sebahagian manusia mendakwa tubuh kita memiliki ciri-ciri ini secara kebetulan.*





Tubuh manusia adalah seperti sebuah komputer. Seperti yang kami sebutkan sebelum ini, terdapat satu program di dalam sel yang menyebabkan kewujudan kita. Persoalannya ialah bagaimana program ini wujud? Jawapannya amat jelas:

Allah, Yang Maha Kuasa telah menjadikan manusia dengan begitu istimewa. Allahlah yang telah menjadikan tubuh kita sebagaimana Dia menjadikan program yang membentuknya.

Tetapi jangan tersilap. Dari segi lain, adalah mustahil untuk membandingkan tubuh manusia dengan sebuah komputer. Tubuh kita lebih hebat daripada

24



*Warna mata kita atau ketinggian kita sebagai orang dewasa telah diketahui sejak di dalam rahim ibu kita lagi. Tulang kita, otot, kepala, mata dan telinga terbentuk pada tempat yang betul dan dalam keadaan yang baik. Tidak satu pun organ kita melakukan kesilapan dan berada di tempat organ lain.*



komputer paling canggih. Contohnya, otak kita sahaja adalah jauh lebih kompleks daripada sebuah komputer.

Sekarang mari kita lihat bagaimana seorang bayi dilahirkan ke dunia ini:

Pada mulanya, hanya ada secebis daging di dalam rahim ibu kamu. Tidak berapa lama kemudian, cebisan daging ini berkembang dan mula berbentuk.

Ketinggian kamu, warna mata kamu, keneng kamu, bentuk tangan kamu dan berbagai sifat lagi telah dikodkan sejak awal kewujudan kamu. Semua maklumat ini disimpan di dalam program yang Allah tempatkan di dalam sel. Program ini begitu sempurna dan lengkap sehingga para ahli sains hanya mutakhir ini hampir memahami bagaimana ia beroperasi.

Bersesuaian dengan program yang Allah tempatkan di dalam badan kita, kita membesar perlahan-lahan. Kerana itulah, tumbesaran tubuh kita tidak kelihatan ganjil kepada kita. Kita memerlukan masa bertahun-tahun untuk membesar. Kita pasti akan terkejut jika program ini berjalan pantas. Seorang bayi baru lahir tiba-tiba berubah menjadi seorang tua di dalam sekelip mata, sudah tentu ini amat memerlukan.

*Bersesuaian dengan program yang Allah tempatkan di dalam tubuh kita, kita membesar perlahan-lahan. Seorang bayi baru lahir tiba-tiba berubah menjadi seorang tua dalam sekelip mata, sudah tentu ia mengejutkan kita.*



## Bagaimana Hidupan Lain Wujud?

Manusia bukan satu-satunya makhluk yang wujud di atas muka bumi ini. Terdapat beribu-ribu hidupan lain, sebahagiannya kamu mengenalinya dan sebahagian yang lain tidak. Sebahagiannya berada di sekeliling kamu; kamu dapat melihatnya di merata tempat. Sementara, sebahagian yang lain berada jauh daripada kamu sehingga kamu hanya berpeluang melihatnya di dalam buku atau filem. Tetapi apabila kita meneliti semua hidupan ini, terdapat satu persamaan sifat. Dapatkah kamu meneka apakah sifat tersebut: Kami menggelarnya “keserasian”. Sekarang, mari kita sebutkan keserasian hidupan ini. Mereka serasi dengan:

- Persekutaran tempat tinggal mereka
- Hidupan lain yang hidup bersama mereka
- Elemen-elemen yang mengekalkan keseimbangan semula jadi
- Faktor-faktor yang memberi faedah kepada manusia

Sebelum meneruskannya, mari kita ambil satu contoh untuk menjelaskan pengertian “keserasian”. Fikirkan tentang plag dan soket di rumah kamu. Ia amat serasi antara satu sama lain. Tetapi bagaimana kamu mengetahui ia serasi di antara satu sama lain? Kerana lubang di soket bersesuaian dengan cabang plag. Apakah ini memadai? Lebar cabang plag adalah sama dengan lebar lubang soket. Jika tidak, plag tersebut tidak akan muat dengan lubang soket. Jarak di antara cabang plag dan lubang soket juga perlu sama. Jika tidak, plag tidak akan dapat masuk ke dalam soket. Tetapi ciri-ciri ini sahaja tidak memadai untuk mendapatkan keserasian plag dan soket. Jika plag terlalu panjang, sudah tentu tidak ada keserasian. Jika cabang plag bukan bahan logam, sudah tentu ia gagal mengalirkkan arus elektrik di dalam soket. Jika plag pula tidak diperbuat daripada plastik, setiap kali kamu memegangnya, kamu

akan terkena kejutan elektrik. Jadi, ketidakserasan di dalam alatan yang ringkas sekali pun boleh menyebabkan ia gagal berfungsi. Ini bererti orang yang sama telah membuat plag dan soket tersebut. Dan dia menciptanya serasi di antara satu sama lain. Dia membuatkannya berfungsi. Sudah tentu mustahil untuk logam dan plastik bercantum secara kebetulan dan mereka merancang bersendiri secara berasingan daripada satu sama lain, kerana jika ini berlaku kamu tidak akan menemui satu soket dan plag yang serasi.

Keserasian hidupan adalah jauh lebih rumit daripada keserasian soket dan plag, kerana hidupan mengandungi beribu-ribu sistem dan organ yang perlu wujud bersama secara harmoni dan bekerja bersama dengan baik. Jika hendak dicatatkan sistem-sistem ini satu persatu, ia akan memenuhi sebuah perpustakaan yang mempunyai beratus-ratus buku. Oleh itu, di halaman berikutnya kami akan memperkatakan secara ringkas kesempurnaan sifat-sifat hidupan yang Allah jadikan ini:

- **Hidupan serasi dengan persekitaran tempat tinggal mereka.**

Setiap hidupan, sama ada di darat atau di udara, adalah amat serasi dengan habitatnya. Begitulah mereka dijadikan. Berbagai sistem yang sempurna menjamin makanan, pelindungan dan pembiakan hidupan. Dengan kata lain, semua hidupan dijadikan bersesuaian dengan habitatnya.

Organ-organ dan cara hidup hidupan ini juga amat serasi dengan keadaan persekitaran mereka. Contohnya, burung mempunyai sayap sempurna untuk terbang. Ikan mempunyai insang khas untuk bernafas di dalam air. Jika ia mempunyai paru-paru seperti kita pasti ia telah lemas.



*Lebah membawa debunga dari bunga yang dihinggapinya ke bunga lain. Proses ini membantu pembiakan bunga. Begitu juga, ikan pembersih, membersihkan ikan-ikan besar.*

- **Hidupan juga serasi dengan hidupan lain yang hidup bersama mereka.**

Sesetengah burung dan serangga membantu pembiakan tumbuh-tumbuhan. Ini bererti, walaupun mereka tidak menyedarinya, mereka telah membantu tumbesaran tumbuhan. Contohnya, apabila seekor lebah hinggap dari satu bunga ke satunya yang lain, ia membawa bersamanya debunga. Terima kasih kepada proses ini, tumbuhan dapat membiak. Dalam keadaan lain pula, haiwan melakukan sesuatu yang memberi faedah kepada haiwan lain. Ikan pembersih misalnya, membersihkan organisme mikro daripada kulit ikan-ikan besar dan ia membentuk asas kesihatan yang baik kepada mereka. Ini satu lagi bentuk keserasian.

- **Hidupan serasi dengan elemen-elemen yang mengawal keseimbangan alam semula jadi**

Tidak ada hidupan, kecuali manusia, yang mengganggu keseimbangan alam semula jadi. Tambahan pula, mereka dijadikan dengan sifat-sifat yang dapat mengekalkan keseimbangan tersebut. Tetapi keseimbangan alam sering tergugat oleh sifat tidak bertanggungjawab manusia. Contohnya, jika manusia memburu satu spesies haiwan melampaui had keperluan, spesies tersebut akan pupus. Kepupusan spesies ini menyebabkan mangsanya meningkat ke angka yang terlalu banyak, yang lama kelamaan akan membahayakan kehidupan manusia dan alam itu sendiri. Jadi, terdapat keseimbangan semula jadi di dalam ciptaan hidupan. Ia serasi dengan keseimbangan alam, tetapi hanya manusia yang mempunyai potensi untuk memusnahkan keseimbangan ini.

- **Hidupan serasi dengan faktor-faktor yang memberi faedah kepada manusia.**

Contohnya, fikirkan tentang khasiat madu kepada kamu. Bagaimana lebah tahu kamu memerlukan zat seperti itu, dan bagaimana mereka menghasilkannya? Dapatkah seekor ayam, lembu atau kambing biri-biri mengetahui zat-zat yang diperlukan manusia dan menghasilkan zat-zat sempurna untuk memenuhi keperluan tersebut? Sudah tentu tidak.

Keharmonian menakjubkan di antara hidupan-hidupan ini merupakan bukti jelas bahawa ada Pencipta yang telah menjadikan mereka. Terima kasih kepada ciptaan sempurna Allah yang menyebabkan keseimbangan ini di bumi.

*Kita memerlukan zat-zat seperti daging, susu, telur, ayam, madu, sayur-sayuran dan buah-buahan setiap hari. Banyak sumber asas zat-zat ini adalah anugerah Allah yang dijadikannya untuk kita, sebagai balasan apa yang perlu kita lakukan ialah bersyukur kepada-Nya*



## Pencipta Alam Semesta

Kami telah menerangkan bagaimana Allah menjadikan alam semesta. Sekarang, masanya untuk mengkaji alam ini keseluruhannya. Allah juga menjadikan alam semesta ini di mana kamu, bumi ini, matahari, sistem solar, planet-planet, bintang-bintang, galaksi-galaksi dan semua benda wujud.

Bagaimanapun, sebagaimana terdapatnya mereka yang menentang fakta penciptaan hidupan, terdapat juga mereka yang menolak kenyataan bahawa alam ini telah dijadikan. Mereka mendakwa alam ini muncul secara spontan. Mereka juga mendakwa

ia memang telah sedia wujud. Tetapi mereka tidak pernah mengemukakan penjelasan untuk dakwaan yang tidak rasional ini. Dakwaan mereka mirip seperti contoh berikut: Bayangkan kamu telah belayar suatu hari dan telah tiba ke pantai sebuah pulau. Apa yang akan kamu fikirkan jika kamu menemui sebuah bandar moden, dilengkapi dengan bangunan-bangunan pencakar langit, dikelilingi oleh taman-taman indah dan tumbuh-tumbuhan menghijau? Bandar ini juga dilengkapi dengan teater-teater, restoran-restoran dan landasan kereta api. Pasti kamu akan fikir bandar ini telah dirancang dan dibina oleh orang-orang yang bijak, bukankah begitu? Apa pula fikiran kamu jika seseorang menyatakan, “Tiada siapa membina bandar ini. Ia telah sedia wujud, dan tidak berapa lama dahulu kami datang dan menghuninya. Di sini kami menemui semua keperluan kami, dan ia wujud secara spontan”?

31



*Semua bersetuju bandar moden dan maju di dalam gambar ini tidak mungkin dapat terbentuk secara tidak sengaja dan sudah tentu ia direka dan dibina oleh jurubina-jurubina, jurutera-jurutera dan pembina-pembina mahir. Siapapun tidak dapat mendakwa sebaliknya.*



*Cakerawala yang kita huni ini adalah jauh lebih besar daripada bandar yang kita lihat di dalam halaman lepas. Ia juga mempunyai struktur-struktur yang lebih hebat daripada sebuah bandar.*



(Dialah) yang menciptakan  
langit dan bumi...

*(Surah Al-An'am:101)*

*Dalam keadaan ini, bolehkah kita katakan bahawa cakerawala ini tidak dijadikan dan ia telah terbentuk secara spontan? Dakwaan seperti ini kedengaran amat janggal. Allahlah yang menjadikan aturan dalam rekaan alam ini.*

Sudah tentu kamu yakin dia tidak siuman, atau kamu fikir dia sebenarnya tidak tahu apa yang dikatakannya. Tetapi jangan lupa alam yang kita huni ini adalah jauh lebih besar daripada bandar tersebut. Cakerawala ini mempunyai sejumlah planet-planet, bintang-bintang, komet-komet dan berbagai jenis satelit yang tidak terkira banyaknya. Dalam keadaan ini, dakwaan seseorang yang menyatakan alam yang serba sempurna ini tidak dijadikan tetapi telah sedia wujud, masih tidak berjawab. Apakah kamu bersetuju?

Selepas membaca bahagian bawah ini, kamu sendiri akan dapat memberikan jawapan yang terbaik. Sekarang, mari kita kembangkan perbincangan kita kepada subjek penciptaan alam semesta dan simpan dahulu jawapan ini sehingga ke akhir.

### • Segalanya Mula Terbentuk Di Dalam Letupan Besar

Ketika manusia tidak mempunyai teleskop untuk memerhati langit, mereka mempunyai maklumat yang amat sedikit dan tidak kukuh tentang cakerawala yang jauh ini, mereka mempunyai pendapat berbeza tentangnya. Dengan kemajuan teknologi, mereka telah memperolehi maklumat lebih terperinci tentang angkasa. Pada pertengahan abad ke-20, mereka telah menemui sesuatu yang amat penting. Cakerawala ini mempunyai tarikh lahir, ini bererti ia tidak sedia wujud. Cakerawala ini – dengan kata lain, bintang-bintang, planet-planet dan galaksi-galaksi – mula terbentuk pada satu tarikh tertentu. Pakar sains menganggarkan umur alam ini ialah 15 ribu juta tahun.

Mereka menamakan detik ketika cakerawala ini terbentuk sebagai “Big Bang”, kerana 15 ribu juta tahun dahulu ketika tiada suatu pun wujud, tiba-tiba sahaja segalanya terbentuk dengan satu letupan dari satu titik. Kesimpulannya, jirim dan cakerawala ini, yang didakwa sebagai telah sedia wujud, sebenarnya mempunyai

permulaan. Pada peringkat ini, satu persoalan timbul, “Bagaimana mereka tahu ia mempunyai permulaan”? Mudah sahaja; Jirim yang berselerak dan bergerak daripada unsur jirim lain dengan letupan besar, masih bergerak. Fikirkan sejenak! Cakerawala ini terus berkembang sehingga sekarang. Bayangkan cakerawala ini sebagai sebiji belon. Jika kita lukis dua titik kecil di atas belon ini, apa berlaku apabila kamu meniupnya? Titik-titik di atas belon akan bergerak daripada satu sama lain ketika belon itu berkembang dan keluasannya bertambah. Seperti keadaan belon, keluasan cakerawala ini juga bertambah, dan setiap benda di dalamnya akan bergerak daripada satu sama lain. Dengan kata lain, jarak di antara bintang-bintang, galaksi-galaksi, bintang-bintang dan meteor-meteor berkembang secara berterusan.

Bayangkan kamu menyaksikan letupan alam ini di dalam sebuah cerita kartun. Bagaimanakah bentuk alam ini jika kita mengundurkan filem tersebut ke belakang hingga kepada permulaannya? Bukankah ia akan mengecut ke satu titik sahaja? Demikianlah yang dilakukan oleh para ahli sains. Mereka kembali kepada permulaan dan menyedari bahawa alam yang berkembang secara berterusan ini sebenarnya berasal daripada satu titik.



*Seperti mana titik-titik kecil yang dilukis di atas sebiji belon akan bergerak daripada satu sama lain apabila belon berkembang, benda-benda angkasa juga bergerak daripada satu sama lain kesan daripada letupan Big Bang.*



Letupan ini, yang digelar Big Bang, menjadi titik permulaan kewujudan yang Allah tetapkan bagi “alam” ini. Dengan letupan ini, Allah menjadikan zarah-zarah yang menjadikan cakerawala ini, dan dengan itu jirim pun terbentuk. Ia berselerak dengan kelajuan yang menakjubkan. Pada saat-saat awal letupan tersebut, keadaannya adalah seperti sup jirim yang diperbuat daripada berbagai zarah. Tetapi kemudian serakan ini mula berubah menjadi struktur tersusun. Allah menjadikan atom daripada unsur-unsur ini, dan kemudian membentuk bintang-bintang dengan atom. Dan Allah membentuk seluruh cakerawala ini dan setiap apa yang ada di dalamnya.

Mari kita lihat satu contoh untuk menjelaskan perkara ini:

Fikirkan tentang sebuah kawasan yang luas. Ia tidak terbatas. Hanya terdapat semangkuk cat di dalamnya. Tidak wujud benda lain. Di dalam mangkuk ini, semua jenis cat bercampur aduk, membentuk sejenis warna luar biasa. Bayangkan sebiji bom meletup di dalam mangkuk ini, kesannya cat-cat ini berselerak ke serata tempat

*Jika kamu bayangkan letupan alam ini sebagai sebuah filem, apabila kamu undurkan imej-imej ini kembali kepada permulaannya, kamu akan dapat permulaannya adalah satu titik sahaja.*

membentuk bintik-bintik kecil. Bayangkan semua bintik-bintik kecil ini bergerak ke setiap arah di dalam ruang ini. Sementara itu, di dalam perjalanan bintik-bintik kecil ini, perkara aneh mula berlaku. Ia tidak membentuk kekotoran dan akhirnya hilang, sebaliknya mula bertindak balas seolah-olah mereka adalah hidupan berakal. Titisan yang asalnya terbentuk daripada campuran warna mula mengasingkan diri mengikut warna masing-masing. Warna biru, kuning, merah dan semua titisan dari kumpulan warna yang sama berkumpul dan terus bergerak. Kemudian berlaku lagi perkara aneh: Lima ratus titisan biru bergabung dan, di dalam bentuk titisan yang lebih besar ia meneruskan perjalanannya. Pada masa yang sama, tiga ratus titisan merah di satu sudut dan dua ratus titisan kuning bergabung dan terus berselerak bersama. Kumpulan-kumpulan warna yang berbeza ini bergerak daripada satu sama lain dan membentuk imej-imej yang cantik, seolah-olah ia berlaku dengan arahan seseorang.

Sebahagian titisan ini bergabung membentuk imej bintang-bintang, sebahagian yang lain membentuk gambar matahari, dan yang lain pula membentuk planet-planet di sekeliling matahari. Kumpulan titisan yang lain pula membentuk imej bumi, sementara yang lain pula membentuk bulan. Jika kamu melihat imej seperti ini apakah kamu akan menduga satu letupan di dalam sebiji mangkuk cat telah membentuk gambar ini secara tidak sengaja? Siapapun tidak akan berfikiran demikian.

Seperti mana kisah titisan cat ini, jirim juga bergabung dan membentuk gambar sempurna yang kita lihat apabila kita mendongakkan kepala ke langit, dengan kata lain, bintang-bintang, matahari dan planet-planet. Tetapi bolehkah ia berlaku dengan sendirinya?

Bagaimana bintang-bintang di langit, planet-planet, matahari, bulan dan bumi dapat wujud hasil daripada atom-atom yang bercantum secara tidak sengaja selepas satu letupan? Bagaimana



*Cat-cat di dalam mangkuk berselerakan hasil daripada satu letusan. Bolehkah titisan-titisan cat yang berkecamuk ini berkumpul secara spontan dan membentuk gambar yang kita lihat di angkasa? Pembentukan spontan sebuah gambar seperti ini adalah mustahil. Mendakwa alam ini terbentuk secara kebetulan adalah lebih tidak logik daripada mendakwa pembentukan spontan gambar ini.*

pula dengan ibu, bapa, kawan-kawan atau burung, kucing, pisang dan strawberry...? Sudah tentu ia tidak mungkin berlaku. Pendapat seperti ini memang tidak masuk akal, sama juga dakwaan rumah tidak dibina oleh pekerja, tetapi ia terbentuk oleh kehendak bebas jubin-jubin dan batu bata, dan secara kebetulan. Kita sedia maklum batu bata yang berselerak disebabkan oleh satu letusan bom tidak akan membentuk pondok-pondok kecil. Ia berkecai menjadi batu dan tanah dan, lama kelamaan, ia bercampur kembali dengan bumi.

Tetapi satu perkara yang perlu diberi perhatian. Seperti yang kamu tahu, titisan cat adalah benda tidak bernyawa dan berakal. Adalah mustahil untuk titisan-titisan cat dapat bercantum secara spontan dan membentuk gambar-gambar. Tetapi, di sini kita sedang memperkatakan tentang pembentukan benda hidup dan berakal. Adalah terlalu mustahil hidupan seperti manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan-haiwan dapat muncul daripada benda hidup melalui kebarangkalian rawak.

Untuk memahaminya dengan lebih baik, perhatikan tubuh kita. Ia terdiri daripada molekul-molekul halus yang tidak nampak oleh mata, seperti protein, lemak dan air... ia membentuk sel, dan sel-sel membentuk tubuh kita. Aturan sempurna di dalam badan kita ini adalah hasil rekaan istimewa. Allah menjadikan mata kita yang dapat melihat, tangan kita yang memegang buku ini dan kaki yang membolehkan kita berjalan. Allah menetapkan bagaimana kita dapat berkembang di dalam rahim ibu kita, ketinggian kita dan warna mata kita.



## Allah Menjadikan Segalanya

Jika kamu masih ingat, pada permulaan buku ini kita mencari jawapan yang tepat untuk diberikan kepada orang yang tidak beriman. Sekarang kamu telah pun mempunyai jawapannya. Letupan tidak membentuk lukisan yang baik, tetapi ia hanya akan merosakkannya. Aturan yang berlaku selepas letupan cakerawala ini adalah lebih sempurna daripada contoh-contoh yang kami kemukakan – sebuah bandar besar atau semangkuk cat. Semuanya ini tidak boleh berlaku secara kebetulan.

Sistem yang sempurna ini hanya dapat dilakukan oleh Allah Yang Maha Berkuasa. Allah mampu menjadikan apa sahaja. Dia hanya perlu berkata “Jadi” maka jadilah ia.

Allah telah menjadikan dunia yang indah di dalam cakerawala yang sempurna untuk kita, dan dia menjadikan tumbuh-tumbuhan dan haiwan-haiwan di dalamnya. Dia menjadikan matahari untuk memancarkan cahaya dan memanaskan kita. Meletakkan jarak yang paling sesuai di antara matahari dan bumi, hinggakan jika ia dekat sedikit, dunia kita akan menjadi terlalu panas dan jika ia jauh sedikit sahaja, kita semua akan menjadi beku.

Apabila para ahli sains berjaya menyingkap lebih banyak fakta-fakta ini, kita dapat mengetahui kekuasaan Allah dengan lebih baik. Kerana jirim tidak dapat membuat keputusan atau melaksanakannya. Ini bererti terdapat Pencipta yang mereka dan menjadikan alam semesta





ini. Jirim, yang merupakan unsur asas bintang, manusia, haiwan, tumbuhan dan segalanya, sama ada benda hidup atau mati, semuanya berada di bawah kawalan Allah. Kerana itulah, segala benda di dunia ini berada di dalam keadaan tersusun. Kerana semuanya dijadikan Allah, Yang Mencipta dan Merekabentuk.

## Allah Menjadikan Setiap Manusia Dengan Takdirnya

Pada permulaan buku ini, kita mengetahui Allah telah menjadikan Nabi Adam (A.S.). Semua manusia adalah keturunannya. Allah telah menganugerahkan kehidupan manusia di dunia ini untuk menguji mereka, dan mengutus mereka rasul-rasul untuk menyampaikan tanggungjawab mereka.

**Setiap orang diuji di dunia ini dengan peristiwa yang dialaminya. Dengan kata lain, kita diuji dengan tindakbalas kita terhadap kejadian yang menimpa kita, cara kita bercakap dan kesetiaan kita berhadapan dengan kesukaran. Ringkasnya, bagaimana kita mengawal diri kita dengan betul. Ujian ini akan memberi kesan kepada kehidupan kita selepas kita mati.**

*Setiap apa yang dialami oleh seorang manusia dari saat kelahiran sehingga kematiannya telah ditetapkan oleh takdir. Kamu boleh fikirkannya seperti segulung filem. Jika kita mengambil segulung filem dan melihatnya pada jarak tertentu, kita dapat melihat permulaan, pertengahan dan akhir peristiwa pada masa yang sama.*

Tetapi ujian di dunia ini mempunyai satu rahsia penting. Sebagai rahmat dan kesenangan kepada manusia, Allah menjadikan takdir. Takdir, bererti, setiap kejadian yang dialami seseorang sepanjang hidupnya, telah ditetapkan oleh Allah sebelum dia dilahirkan lagi. Bagi setiap individu, Allah memberikan takdir mereka yang unik.

Untuk memahaminya dengan lebih baik, kita samakannya dengan sebuah filem yang dirakam di dalam sebuah kaset video. Permulaan dan kesudahan filem ini telah diketahui, tetapi kita hanya mengetahuinya selepas menontonnya. Begitu juga dengan takdir. Setiap perkara yang dilakukan oleh seseorang sepanjang hayatnya, setiap peristiwa yang akan dihadapinya, sekolah-sekolah yang akan dimasukinya, rumah-rumah yang akan didiaminya, dan saat kematianya, semuanya telah ditetapkan.

Setiap peristiwa yang berlaku kepada seseorang itu, samaada ujian baik atau buruk, telah ditetapkan di dalam pengetahuan Allah. Setiap manusia akan diuji berdasarkan kepada senario-senario yang telah ditulis untuknya. Kesimpulannya, bersesuaian dengan senario-senario ini, manusia melalui satu siri kejadian-kejadian, dan keyakinan, dan kemudian tindakannya, begitu juga dengan reaksinya terhadap peristiwa-peristiwa ini, semuanya akan menentukan kehidupannya di akhirat kelak.

Kefahaman tentang takdir adalah suatu rahmat kepada manusia. Ia adalah anugerah Allah. Kerana itu, tidak perlu untuk manusia menyesal terhadap peristiwa-peristiwa yang telahpun ditakdirkan atau merasa bimbang peristiwa-peristiwa yang tidak kamu senangi. Bagi mereka yang sabar berhadapan dengan cubaan-cubaan ini, menyedari tidak ada sesuatupun yang akan berlaku tanpa pengetahuan Allah, Allah memberikan berita gembira tentang syurga. Rasul-rasul Allah memberikan contoh yang baik di dalam keadaan ini. Allah memberikan manusia berita gembira tentang syurga di atas keimanan mereka dan pekerti yang mulia.



## Allah Mengutuskan Rasul-Rasul Dan Kitab-Kitab



Dalam halaman lepas, kami telah mengemukakan contoh-contoh dan bukti-bukti untuk membantu kita merenung dan memahami sesuatu daripada kekuasaan dan keagungan Allah. Tujuan Allah menganugerahkan kita dengan kebolehan berfikir dan membuat pertimbangan adalah untuk membolehkan kita mengenali-Nya. Allah juga telah menurunkan kitab-kitab suci di mana dia menerangkan tentang diri-Nya. Dia menyampaikan apa yang dikehendaki-

Nya daripada kita di dalam kitab-kitab ini. Allah telah mengangkat dan mengutus rasul-rasul yang menjadi contoh kepada kaum mereka dengan tingkah laku yang terpuji. Melalui rasul-rasul ini, risalah dan wahyu Allah yang lengkap memberikan panduan kepada manusia.

Sukar untuk memastikan berapakah jumlah rasul yang telah Allah utuskan, namun begitu terdapat riwayat yang menyatakan, terdapat tiga ratus tiga belas rasul dan sejumlah besar adalah nabi sepanjang sejarah. Kita hanya mengenali nama rasul-rasul yang disebutkan di dalam Al-Quran, wahyu terakhir yang diturunkan Allah. Allah menceritakan kepada kita kehidupan nabi-nabi ini untuk membolehkan kita memahami akhlak mereka. Melalui rasul-rasul yang diutuskan-Nya, Allah membimbing kita kepada jalan hidup yang benar dan bagaimana hendak berkelakuan baik di dunia ini. Hanya melalui penyampaian Allah kita mengetahui bagaimana hendak berkelakuan baik, dan perlakuan manakah yang lebih baik dan sejajar dengan nilai ajaran Al-Quran. Hanya melalui penyampaian-Nya sahaja kita dapat mengenali perbuatan yang direndah Allah dan mendapat ganjaran-Nya, begitu juga perbuatan yang akan mendapat balasan.



*Hanya kitab Al-Quran sahajalah yang merupakan kitab yang dikenal kini.*

Di dalam Al-Quran, Allah mengingatkan kita sepanjang sejarah Dia telah mengutus rasul-rasul-Nya kepada setiap komuniti dan mereka memberikan peringatan kepada mereka. Rasul-rasul ini menyeru kaum mereka untuk menyembah Allah, memohon kepada-Nya dan mematuhi semua suruhan-Nya. Dia juga mengingatkan mereka jika mereka tidak melakukannya, mereka akan dihukum. Ringkasnya, mereka memberi amaran kepada mereka yang tidak beriman dan mereka yang melakukan perbuatan-perbuatan keji, dan memberikan berita gembira kepada orang-orang beriman bahawa mereka akan diberikan ganjaran. (Persoalan Syurga dan Neraka akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam bahagian berikutnya). Rasul terakhir yang diutuskan Allah ialah Nabi Muhammad (S.A.W). Al-Quran pula adalah kitab terakhir.

Wahyu-wahyu Allah yang terdahulu telah kehilangan keasliannya, kerana orang-orang kafir dan mereka yang berkepentingan telah memasukkan perkataan mereka sendiri dan ceraian-ceraian tambahan ke dalamnya. Kerana itu, inti patinya yang asli, wahyu sebenar yang diturunkan kepada manusia pada mulanya, tidak sampai kepada kita hari ini. Tetapi Allah menurunkan Al-Quran, sebuah kitab yang tidak dapat diubah.

Nabi Muhammad (S.A.W), dan kemudiannya orang-orang Islam memelihara Al-Quran ini dengan baik. Al-Quran amat jelas sehingga siapa sahaja dapat memahaminya. Apabila kita



membaca Al-Quran kita akan segera mengetahui ia adalah kalam Allah. Al-Quran, yang tetap utuh kesuciannya, berada di bawah peliharaan Allah dan ia merupakan satu-satunya kitab suci yang manusia akan dipertanggungjawabkan sehingga hari akhirat.

Hari ini, setiap Muslim, tidak kira di mana juga mereka berada, membaca Al-Quran yang sama; tidak ada satu pun kecacatan di dalam satu perkataan atau huruf. Al-Quran diturunkan kepada Rasulullah (S.A.W), dan telah dikumpulkan oleh Khalifah Abu Bakr (R.A.) dan kemudian disusun oleh Khalifah Uthman (R.A.), yang hidup 1400 tahun dahulu, dan Al-Quran yang dibaca hari ini adalah serupa. Terdapat persamaan jitu dan tepat di antara satu sama lain. Ini bererti, sejak mula Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad (S.A.W), ia tetapi kekal dengan keasliannya. Kerana Allah memelihara Al-Quran daripada orang-orang jahat yang cuba mengubahnya atau menokok tambahnya. Di dalam satu ayat, Allah memaklumkan kepada kita bahawa Dialah yang memelihara Al-Quran dengan baik:

**Sesungguhnya Kami lah yang menurunkan Al-Quran, dan Kami lah yang memelihara dan menjaganya.**

*(Surah Al-Hijr:9)*

Perkataan ‘Kami’ di dalam ayat di atas, merujuk kepada Allah sendiri. Tiada tuhan melainkan Allah, tiada sekutu. Dialah Allah Yang Maha Kuasa, Pemula kepada setiap benda dan Dia yang mempunyai pengetahuan meliputi segalanya.

Di dalam beberapa bahagian di dalam Al-Quran, Allah merujuk diri-Nya dengan “Aku”, dan di dalam sebahagian yang lain pula, “Kami”. Di dalam bahasa Arab, iaitu bahasa Al-Quran, perkataan “Kami” juga digunakan untuk merujuk kepada seorang individu bertujuan untuk menzahirkan rasa kekuatan dan kemuliaan kepada pendengar. Sama juga keadaannya di dalam bahasa Inggeris yang

dikenali sebagai “The Royal We” (“Kami diraja”). Di dalam bahagian berikutnya di dalam buku ini, kami akan mengemukakan kepada kamu contoh ayat-ayat dan surah-surah Al-Quran. Perkataannya adalah benar belaka kerana ia adalah Kalam Allah, yang mengetahui diri kita lebih daripada diri kita sendiri.

Di dalam Al-Quran, Allah menghendaki kita mengambil pelajaran daripada kisah para nabi. Salah satu ayatnya:

**Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.**

*(Surah Yusuf:111)*

Orang yang Allah maksudkan di dalam ayat di atas ialah seorang yang mengetahui Al-Quran. Dia adalah Kalam Allah dan dengan demikian dia berfikir, menggunakan pertimbangan akal dan berusaha mempelajari Al-Quran dan hidup dengan ajarannya.

Allah membantu manusia dengan mengutus rasul-rasul yang bertanggungjawab menyampaikan segala arahan-Nya. Setelah menerima wahyu Allah, manusia tidak lagi berhak untuk memberikan sebarang alasan di Hari Kiamat. Kerana para rasul Allah telah menyampaikan kepada kaum mereka kewujudan Allah dan apa yang dituntut-Nya daripada manusia. Apabila seseorang itu telah mendengar pesanan ini, dia bertanggungjawab ke atasnya. Seperti yang disebutkan di dalam ayat Al-Quran:

**Rasul-rasul (yang Kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat), supaya tidak ada bagi manusia sesuatu hujah (atau sebarang alasan untuk berdalih pada hari kiamat kelak) terhadap Allah sesudah mengutuskan Rasul-rasul itu. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.**

(*Surah An-Nisa:165*)

Allah menjadikan banyak kumpulan manusia di muka bumi ini. Sebahagian mereka mengingkari apa yang dibawa oleh rasul-rasul ini dan malah menafikan kerasulan mereka. Kerana mereka tidak mahu mendengar cakap mereka dan mematuhi perintah Allah, maka mereka telah dihukum. Melalui para rasul-Nya, Allah juga telah memberikan amaran kepada mereka yang ingkar tentang azab di dunia. Sebaliknya, mereka masih terus menentang rasul-rasul mereka dan memfitnah mereka. Lebih daripada itu, mereka juga menjadi lebih ganas sehingga di dalam beberapa kejadian mereka membunuh rasul. Lantaran itu, Allah menimpakan kepada mereka hukuman yang selayaknya, dan, tidak berapa lama kemudian, komuniti-komuniti baru pula menggantikan mereka. Di dalam Al-Quran, situasi komuniti-komuniti ini dijelaskan seperti berikut:

**Tidakkah mereka memerhati dan memikirkan berapa banyak umat-umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, padahal (umat-umat itu) telah Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi (dengan kekuasaan dan kemewahan) yang tidak Kami berikan kepada kamu, dan Kami turunkan hujan atas mereka dengan lebatnya, dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka, kemudian Kami binasakan mereka dengan sebab dosa mereka, dan Kami ciptakan sesudah mereka, umat yang lain.**

(*Surah Al-An'am:6*)

Di dalam bab-bab berikutnya kami akan kemukakan kepada kamu sikap teladan para nabi yang berhadapan dengan penentangan kaum mereka.

## **Manusia dan Nabi Pertama: ADAM (A.S.)**

Jika kamu masih ingat, apabila kami membicarakan tentang penciptaan manusia, kami ada menyebut manusia pertama di bumi adalah Adam (A.S). Adam juga adalah nabi pertama. Kerana, Allah juga mengutus seorang rasul kepada komuniti terawal yang dijadikan-Nya di bumi dan mengajar mereka deen (agama) mereka dan bagaimana hendak menjadi hamba yang patuh kepada Allah.

Allah mengajar Adam bercakap dan menyebutkan nama-nama. Seperti disebutkan di dalam ayat berikut:

**Dan ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda ...".**

*(Surah Al-Baqarah:31)*

Ini amat penting. Di kalangan semua hidupan, hanya manusia mempunyai kebolehan untuk bercakap. Bercakap adalah sifat istimewa manusia. Mujurlah Allah telah awal-awal lagi memberikan kebolehan ini kepada Adam, sehingga membolehkan manusia mengetahui banyak objek di kelilingnya dan memberikannya nama.

Generasi selepas Adam juga boleh bertutur, mempunyai perasaan, merasa sedih atau gembira, memakai pakaian, menggunakan peralatan dan barang-barang dan mempunyai bakat untuk muzik dan seni. Peralatan muzik seperti seruling, lukisan

dinding dan beberapa objek yang ditemui para ahli sains bersama dengan peninggalan manusia purba membuktikan mereka juga manusia seperti kita. Dengan lain perkataan, bertentangan dengan dakwaan sesetengah manusia, manusia pertama bukan hidupan liar, separuh-beruk/separuh manusia.

Kamu sedia maklum, sama ada beruk atau hidupan lain tidak dapat bertutur, berfikir atau bergerak seperti seorang manusia. Allah hanya memberikan kebolehan-kebolehan ini istimewa untuk manusia. (*Untuk maklumat lanjut berkaitan tajuk ini sila rujuk buku Harun Yahya, The Wonder of Allah's Creation*)

Tetapi sebahagian manusia yang tidak mahu menerima manusia pertama adalah Adam, telah mengemukakan beberapa dakwaan mereka sendiri; mereka membina identiti palsu manusia pertama. Berdasarkan kepada senario khayalan mereka, manusia dan beruk berasal daripada hidupan yang sama, bererti, mereka mempunyai moyang yang sama, dan berkembang dengan peredaran masa ke peringkat masing-masing. Jika kamu bertanya bagaimana peristiwa aneh ini boleh berlaku, mereka akan memberikan satu jawapan: "Ia berlaku secara kebetulan". Jika kamu meminta sebarang bukti untuk membuktikan dakwaan mereka, mereka tidak dapat mengemukakannya. Kesimpulannya, tidak ada walau satu pun tinggalan sejarah membuktikan manusia berkembang daripada benda lain.

Jika kamu bertanya, "Apakah tinggalan dari masa silam?", mereka akan menjawab: Beberapa hidupan purba dahulu meninggalkan kesan apabila mereka mati, dan kesan ini yang kita gelar fosil, kekal selama berjuta-juta tahun tanpa berubah. Tetapi, untuk melakukannya hidupan tersebut perlu terperangkap di dalam keadaan tanpa oksigen. Contohnya, jika seekor burung di atas tanah ditimpa timbunan pasir berjuta-juta tahun dahulu, saki baki burung ini masih kekal sehingga ke hari ini. Sama juga dengan sejenis bahan khas di dalam pokok digelar damar. Kadangkala, bahan seperti

madu ini menutupi serangga dan mengubahnya menjadi bahan keras digelar ambar, yang mengawet serangga mati selama berjuta-juta tahun. Dengan cari inilah kita mendapat maklumat tentang hidupan purba. Tinggalan ini digelar “fosil”.

Mereka yang mendakwa manusia pertama berasal daripada makhluk seperti beruk, tidak dapat mengemukakan sebarang fosil bagi membuktikan dakwaan mereka. Dengan kata lain, tiada siapa pun pernah menemui satu fosil milik satu makhluk aneh manusia beruk. Tetapi mereka telah menghasilkan fosil, gambar dan lukisan palsu untuk menutup kesilapan ini, dan telah memasukkannya ke dalam buku-buku teks.

Semua penipuan ini telah didedahkan satu persatu dan diumumkan sebagai penipuan saintifik. Disebabkan mereka tidak bijak dan keras kepala, mustahil bagi mereka menerima kewujudan Allah dan menyedari Dia menjadikan segalanya. Walaupun jumlah mereka ini semakin berkurangan, tetapi masih terdapat mereka yang berusaha menyebarkan pandangan salah mereka melalui majalah, buku dan akhbar, dan malah di sekolah. Untuk membuatkan manusia percaya dengan pandangan salah mereka, mereka berkeras dengan penjelasan mereka dan mendakwa mereka mempunyai bukti saintifik. Tetapi, setiap penyelidikan yang telah dijalankan dan bukti-bukti yang dikemukakan oleh para ahli sains bijaksana membuktikan beruk tidak berkembang menjadi manusia.



Adam, manusia pertama yang dijadikan Allah, adalah sepenuhnya sama dengan manusia kini; dia tidak sedikitpun berbeza. Ini adalah kenyataan yang telah Allah maklumkan di dalam Al-Quran. Bagaimanapun, terdapat satu lagi isu penting yang Allah maklumkan kepada kita tentang Adam: Kisah Adam dan musuh utama manusia iaitu syaitan.

## Musuh Utama Manusia: Syaitan

Kamu mungkin telah mengetahui tentang syaitan, tetapi tahukah kamu dia lebih mengenali kamu dan akan menggunakan apa sahaja cara untuk menggoda kamu? Tahukah kamu matlamat utama syaitan, yang menyamar sebagai rakan kamu, adalah untuk menipu kamu? Mari kita mulakan dengan yang paling asas dan mengingatkan diri kita mengapa syaitan adalah musuh kita. Untuk tujuan itu, kita akan beralih kepada kisah Adam dan syaitan di dalam Al-Quran.

Di dalam Al-Quran, syaitan adalah nama khas yang digunakan sehingga kiamat kepada semua hidupan yang berusaha menyesatkan manusia. Iblis adalah ketua makhluk jahat yang telah menderhaka kepada Allah apabila Dia menjadikan Adam.

Menurut Al-Quran, Allah telah menjadikan Adam dan memanggil para malaikat untuk bersujud kepadanya. Para malaikat mematuhi perintah Allah, tetapi Iblis tidak mahu sujud kepadanya. Dia mendakwa dirinya lebih tinggi daripada manusia. Kerana keingkaran dan keangkuhannya, dia telah disingkirkan. Sebelum meninggalkan Allah, dia meminta daripada-Nya tempoh untuk menyesatkan manusia. Matlamat Iblis ialah untuk menggoda manusia dan memalingkan mereka daripada landasan yang benar dengan tempoh masa yang diberikan kepadanya. Dia akan melakukan apa sahaja untuk menjadikan majoriti manusia menyembahnya. Allah berfirman bahawa Dia akan memasukkan

Iblis dan kuncu-kuncunya ke dalam neraka. Ia disebutkan di dalam ayat berikut:

**Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu, lalu Kami membentuk rupa kamu, kemudian Kami berfirman kepada malaikat-malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam", lalu mereka sujud melainkan Iblis, ia tidaklah termasuk dalam golongan yang sujud.**

Allah berfirman: "Apakah penghalangnya yang menyekatmu daripada sujud ketika Aku perintahmu?" Iblis menjawab: "Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku dari api sedang dia Engkau jadikan dari tanah."

Allah berfirman: "Turunlah engkau dari Syurga ini, kerana tidak patut engkau berlaku sompong di dalamnya; oleh sebab itu keluarlah, sesungguhnya engkau dari golongan yang hina".

**Iblis berkata: Berilah tempoh kepadaku hingga hari mereka dibangkitkan (hari kiamat).**

Allah berfirman: "Sesungguhnya engkau dari golongan yang diberi tempoh (ke suatu masa yang tertentu)".

**Iblis berkata: "Oleh kerana Engkau (wahai Tuhan) menyebabkan daku tersesat (maka) demi sesungguhnya aku akan mengambil tempat menghalangi mereka (dari menjalani) jalanMu yang lurus;**

**"Kemudian aku datangi mereka, dari hadapan mereka serta dari belakang mereka, dan dari kanan mereka serta dari kiri mereka; dan Engkau tidak akan dapat kebanyakan mereka bersyukur".**

Allah berfirman: "Keluarlah engkau dari Syurga sebagai makhluk yang terhina serta terusir. Sesungguhnya sesiapa di antara mereka yang menurutmu, tetaplah aku akan memenuhi neraka jahanam dengan (golongan) kamu (yang derhaka) semuanya;"

(Surah Al-A'raaf:11-18)

Setelah dihalau daripada syurga, syaitan telah memulakan perrusuhan yang akan berterusan sehingga Hari Kiamat. Sejak itu, dengan liciknya dia menghampiri manusia, merancang untuk menyesatkan mereka dan menggunakan berbagai cara untuk tujuan ini. Sekarang kamu sedar, syaitan adalah musuh yang dapat menghampiri kamu dengan liciknya. Kerana itu kamu hendaklah selalu berwaspada untuk menghindarinya.

Jangan lupa syaitan berbohong di dalam serangannya sekarang untuk menentang kamu. Dia cuba menghentikan kamu daripada membaca buku ini dan daripada memikirkan apa yang telah kamu baca. Dia sedang menghalang kamu daripada melakukan perbuatan yang baik, dan dia cuba menjadikan kamu seorang yang biadab dan degil terhadap kedua orang tua kamu, dan menyekat kamu daripada mensyukuri Allah, bersembahyang dan sering berkata benar.

Jangan sesekali biarkan syaitan menipu kamu dan menghalang kamu daripada menjadi seorang yang berperwatakan murni dan menggunakan akal.

Kamu mesti mendapatkan pelindungan Allah dan memohon pertolongan daripada-Nya apabila kamu berfikiran jahat atau ketika kamu mendapati diri kamu enggan melakukan kebaikan, kerana semua ini adalah tipu daya syaitan. Jangan lupa syaitan tidak dapat melakukan apa-apa kepada mereka yang beriman.

## Nabi Nuh (A.S.)

Nabi Nuh (alaihis-salam), seperti juga nabi-nabi lain, menyeru kaumnya kepada jalan yang benar. Dia memberitahu mereka bahawa mereka perlu beriman kepada Allah, Pencipta segala sesuatu, dan bahawa mereka tidak menyembah selain daripada-

Nya, jika tidak mereka akan dihukum. Seperti yang dinyatakan di dalam Al-Quran:

**Dan demi sesungguhnya! Kami telah utuskan Nabi Nuh lalu ia memberitahu kaumnya dengan berkata: "Sesungguhnya aku ini seorang Rasul pemberi amaran yang nyata kepada kamu.**

**"Iaitu janganlah kamu menyembah melainkan Allah; sesungguhnya aku bimbang (jika kamu menyembah yang lainnya), kamu akan ditimpa azab yang tidak terperi sakitnya pada hari pembalasan".**

*(Surah Hud:25-26)*

Dengan mengetepikan semua amaran ini, hanya sebahagian kecil sahaja daripada kaumnya yang beriman dengan Nabi Nuh. Kerana itu, Allah memerintahkan Nabi Nuh membina sebuah bahtera besar. Allah memaklumkannya bahawa orang-orang beriman akan selamat di atas bahtera tersebut.

Pembinaan bahtera Nabi Nuh yang tidak dilakukan di laut telah mengejutkan mereka yang tidak beriman kepada Allah, dan kerana itu mereka mentertawakannya. Mereka yang tidak beriman tidak mengetahui apa yang akan berlaku kepada mereka, tetapi Allah tahu. Setelah bahtera tersebut siap dibina, hujan lebat telah turun selama beberapa hari dan air mula naik ke darat, membanjiri semua. Bencana bersejarah ini telah disahkan oleh para ahli sains. Di Timur Tengah, banyak bukti ditemui menunjukkan kebanyakan gunung hari ini pernah dilimpahi air. Di dalam televisyen, kamu mungkin pernah melihat banyak banjir berlaku di berbagai pelosok dunia. Di dalam bencana seperti ini, selalunya manusia akan naik ke bumbung dan menanti bantuan. Di dalam situasi ini hanya helikopter dan bot dapat menyelamatkan mereka. Bagaimanapun, pada zaman Nabi Nuh (A.S.), hanya bahtera tersebut dapat menyelamatkan mereka. Bencana ini yang dinamakan "Banjir Nabi

Nuh”, adalah azab yang diturunkan Allah untuk menghukum mereka yang tidak beriman dengan Nabi Nuh. Disebabkan mereka meminta pertolongan selain daripada Allah, tidak seorangpun daripada mereka yang memekakkan telinga dengan amaran Allah ini menaiki bahtera Nabi Nuh. Mereka tidak meletakkan keyakinan mereka kepada Allah, sebaliknya kepada manusia lain.

Melainkan dengan kehendak Allah, tiada siapa dapat melindungi kita. Manusia pada masa itu yang menolak hakikat ini telah memanjat gunung-ganang dan berpindah ke kawasan tinggi, tetapi ia masih tidak dapat menyelamatkan mereka daripada lemas.

Sebahagian daripada mereka yang beriman kepada Allah dan meyakini-Nya, dan ia telah membawa mereka menaiki bahtera bersama Nabi Nuh dan menyelamatkan mereka. Berdasarkan kepada arahan Allah, mereka telah membawa sepasang haiwan daripada setiap spesies bersama mereka. Seperti yang dinyatakan di dalam Al-Quran:

**Sebelum mereka, kaum Nabi Nuh juga telah mendustakan (Rasulnya); iaitu mereka mendustakan hamba Kami (Nabi Nuh) serta mereka menuduhnya dengan berkata: "Ia seorang gila"; dan ia telah diancam (dan dihalang daripada menjalankan dakwah agama).**

**Lalu ia berdoa merayu kepada Tuhanaya dengan berkata: "Sesungguhnya aku ini dikalahkan (oleh kaum ku yang ingkar), oleh itu menangkanlah daku (terhadap mereka)!"**

**Maka Kami bukakan pintu-pintu langit, dengan menurunkan hujan yang mencurah-curah.**

**Dan Kami jadikan bumi memancarkan mataair-mataair (di sana sini), lalu bertemulah air (langit dan bumi) itu untuk (melakukan) satu perkara yang telah ditetapkan.**

**Dan Kami bawa naik Nabi Nuh (berserta pengikut-pengikutnya) di atas (bahtera yang dibina) dari keping-keping papan dan paku;**

**Yang belayar laju dengan pemeliharaan dan pengawasan Kami;  
(Kami melakukan yang demikian dan menimpa taufan itu)  
sebagai balasan bagi orang-orang yang kufur ingkar!**

**Dan demi sesungguhnya! Kami telah jadikan bahera itu sebagai  
satu tanda yang menjadi pengajaran, maka adakah orang yang  
mahu beringat dan insaf?**

**Oleh itu, perhatikanlah bagaimana buruknya azabKu dan kesan  
amaran-amaranKu.**

*(Surah Al-Qamar:9-16)*

Semua nabi yang diutuskan kepada kaum mereka sendiri bagi menyampaikan pelajaran yang sama dan menyeru kaumnya menyembah Allah dan mentaati para nabi. Sebagai balasan, mereka tidak meminta sebarang ganjaran kerana mereka yang diutuskan Allah untuk menyampaikan perintah-Nya tidak akan melakukannya. Mereka menjalankan kerja mereka semata-mata kerana kecintaan mereka kepada Allah dan ketakwaan kepada-Nya. Sementara itu, mereka juga berhadapan dengan berbagai kesukaran: Kaum mereka memfitnah dan memperlakukan mereka dengan layanan yang kejam. Lebih daripada itu, sebahagian mereka merancang untuk membunuh nabi yang diutuskan kepada mereka, dan sebahagian daripada mereka tergamak melakukannya. Tetapi, disebabkan para nabi ini hanya takutkan Allah bukan yang selain daripada-Nya, maka tiada kesukaran yang dapat melemahkan mereka. Mereka tidak pernah lupa Allah akan memberikan mereka ganjaran yang melimpah ruah di dunia dan di akhirat.



## Nabi Ibrahim (A.S.)

Di dalam bahagian ini, kami akan memperkatakan tentang sikap beberapa orang nabi yang Allah sebutkan di dalam Al-Quran.

Nabi Ibrahim, (alaihis-salam) merupakan salah seorang nabi-nabi ini. Ketika baginda masih muda, tiada sesiapa yang mengingatkannya tentang kewujudan Allah, oleh itu, baginda memerhati langit dan ini menyedarkannya bahawa Allah telah menjadikan segalanya. Peristiwa ini disebutkan di dalam Al-Quran:

**Maka ketika ia berada pada waktu malam yang gelap, ia melihat sebuah bintang (bersinar-sinar), lalu ia berkata: "Inikah Tuhanaku?" Kemudian apabila bintang itu terbenam, ia berkata pula: "Aku tidak suka kepada yang terbenam hilang".**

**Kemudian apabila dilihatnya bulan terbit (menyinarkan cahayanya), dia berkata: "Inikah Tuhanaku?" Maka setelah bulan itu terbenam, berkatalah dia: "Demi sesungguhnya, jika aku tidak diberikan petunjuk oleh Tuhanaku, nescaya menjadilah aku dari kaum yang sesat".**

**Kemudian apabila dia melihat matahari sedang terbit (menyinarkan cahayanya), berkatalah dia: "Inikah Tuhanaku? Ini lebih besar". Setelah matahari terbenam, dia berkata pula: ` Wahai kaum ku, sesungguhnya aku berlepas diri (bersih) dari apa yang kamu sekutukan (Allah dengannya).**

**"Sesungguhnya aku hadapkan muka dan diriku kepada Allah yang menciptakan langit dan bumi, sedang aku tetap di atas dasar tauhid dan bukanlah aku dari orang-orang yang menyekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain)".**

*(Surah Al-An'am:76-79)*



Nabi Ibrahim (A.S.), memberitahu kaumnya supaya tidak menyembah tuhan selain daripada Allah:

**Dan bacakanlah pula kepada mereka perihal Nabi Ibrahim.**

Ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya: "Apa yang kamu sembah?"

Mereka menjawab: "Kami menyembah berhala-berhala, maka (kerana memuliakannya) kami berkekalan menyembahnya".

Nabi Ibrahim bertanya: "Adakah berhala-berhala itu mendengar kamu semasa kamu menyerunya?

"Atau mereka dapat memberikan sesuatu yang ada manfaatnya kepada kamu ataupun menimpa sesuatu bahaya?"

Mereka menjawab: "(Tidak satu pun!) Bahkan kami dapati datuk nenek kami berbuat demikian".

Nabi Ibrahim berkata: "Sudahkah kamu berfikir sehingga nampak gunanya benda-benda yang kamu sembah itu? -

**"(Yang sekian lama disembah oleh) kamu dan datuk nenek kamu yang dahulu?**

**"(Aku bertanya demikian) kerana sesungguhnya berhala-berhala itu ialah musuhku, (aku tidak menyembah) melainkan Allah Tuhan sekalian alam;**

**"Tuhan yang menciptakan daku (dari tiada kepada ada), maka Dia lah yang memimpin dan memberi petunjuk kepada ku;**

**"Dan Tuhan yang Dialah jua memberiku makan dan memberi minum,**

**"Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku;**

**"Dan (Dialah) yang mematikan daku, kemudian Ia menghidupkan daku;**

**"Dan (Dialah) yang aku harap-harapkan supaya mengampunkan dosaku pada hari kiamat"**

*(Surah Asy-Syua'ra:69-82)*

Musuh-musuh Nabi Ibrahim cuba membunuhnya apabila baginda menyeru mereka beriman kepada Allah. Mereka menyalakan api yang besar dan mencampakkannya ke dalamnya. Tetapi Allah memelihara dan menyelamatkannya daripada api tersebut. Ini diceritakan di dalam Al-Quran seperti berikut:

**Kemudian, seruan Nabi Ibrahim tidak dijawab oleh kaumnya melainkan dengan kata-kata (tentangan yang keras): "Bunuhlah dia atau bakarlah dia". Maka Allah selamatkan Nabi Ibrahim dari api (yang disediakan oleh kaumnya). Sesungguhnya peristiwa yang demikian, mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang (mahu) beriman.**

*(Surah Al-Ankabuut:24)*

**Kami berfirman: "Hai api, jadilah engkau sejuk serta selamat sejahtera kepada Ibrahim! ".**

(Surah Al-Anbiya:69)

Allahlah yang menjadikan dan mengawal segalanya. Dengan kehendak Allah api tersebut tidak membakar Nabi Ibrahim. Ini adalah mukjizat Allah dan penyataan kekuatan-Nya. Tiada apa yang dapat berlaku tanpa kehendak dan kawalan-Nya. Tanpa kehendak-Nya, tiada siapa dapat mencederakan atau membunuh manusia lain. Allah mengingatkan kita di dalam Al-Quran:

**Dan (tiap-tiap) makhluk yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, iaitu satu ketetapan (ajal) yang tertentu masanya (yang telah ditetapkan oleh Allah) ...**

(Surah Ali 'Imran:145)



Baginda tidak mati walaupun setelah dicampakkan ke dalam api, kerana ajalnya yang telah ditetapkan Allah belum sampai. Allah menyelamatkannya daripada api. Di dalam satu ayat, Allah menyatakan kepada kita Nabi Ibrahim adalah seorang berperwatakan contoh:

**Sesungguhnya Nabi Ibrahim, penyabar, lembut hati (bertimbang rasa) lagi suka kembali kepada Allah dengan mengerjakan amal bakti.**

*(Surah Hud:75)*

Allah menyayangi manusia yang taat kepada-Nya dengan sepenuh hati. Seperti yang dijelaskan ayat ini, jangan menderhaka, memiliki perangai yang baik, patuh kepada arahan-arahan Allah adalah sifat-sifat terpuji pada pandangan Allah.



## Nabi Musa (A.S.)

Nabi Musa, (alaihis-salam) adalah seorang nabi yang sering Allah sebut namanya di dalam Al-Quran. Allah menurunkan kepada Nabi Musa kitab Taurat. Tetapi hari ini, Taurat Yahudi dan Perjanjian Lama kitab Injil agama Kristian telah kehilangan keasliannya, kerana perkataan dan penambahan yang telah dimasukkan oleh manusia ke dalamnya. Tetapi orang-orang Yahudi dan Kristian hari ini membaca kitab-kitab yang telah diubah menganggap ia adalah kitab asal yang diturunkan Allah. Orang-orang Yahudi telah menyimpang daripada landasan sebenar kerana kitab yang mereka yakini bukan lagi kitab suci yang dibawa oleh Nabi Musa (A.S.).

Kita mengetahui semua kisah hidup dan perwatakan baik Nabi Musa daripada Al-Quran. Seperti yang Al-Quran ceritakan kepada kita, raja Mesir purba dikenali sebagai “Firaun”. Kebanyakan firaun-firaun ini tidak beriman kepada Allah dan menganggap diri mereka tuhan. Allah mengutus Nabi Musa kepada pemerintah paling kejam.

Satu fakta penting yang perlu kita perkatakan ketika membaca kisah hidup Nabi Musa ini ialah “takdir”. Peristiwa-peristiwa yang membawanya ke istana Firaun: Ketika Nabi Musa dilahirkan, Firaun mengarahkan askarnya membunuh semua bayi lelaki yang dilahirkan di kawasannya. Nabi Musa (A.S.), salah seorang yang berhadapan bahaya ini. Allah mengarahkan ibunya meninggalkannya di dalam sebuah peti di sungai dan memberi jaminan dia akan kembali kepadanya sebagai seorang nabi. Ibu baginda meletakkannya ke dalam sebuah peti dan meninggalkannya di dalam air. Peti ini terapung di atas air dan tidak lama kemudian sampai ke pantai istana Firaun, di mana isteri Firaun menemuinya. Dia mengambil bayi tersebut dan memutuskan untuk memeliharanya di istana. Sehingga, tanpa disedari, Firaun telah memelihara seorang yang

akan menyampaikan wahyu Allah kepadanya dan menentang pandangan salah beliau. Allah telah menetapkan segalanya dengan ilmunya, dan Dia juga tahu Firaun akan menemui Nabi Musa (A.S.), dan membesarkannya di dalam istananya.


Ketika Nabi Musa dilahirkan, Allah tahu baginda akan ditinggalkan di sungai, kemudian akan ditemui Firaun dan Musa akan menjadi seorang nabi. Demikianlah Allah menetapkan takdir Nabi Musa dan Dia menyampaikannya kepada ibunya.

Pada peringkat ini, kita mesti berikan perhatian kepada kenyataan bahawa setiap perincian di dalam hidupnya berlaku berdasarkan kepada takdir yang telah Allah tetapkan.

Apabila baginda dewasa, Nabi Musa meninggalkan Mesir. Tidak berapa lama kemudian, Allah telah melantiknya menjadi seorang nabi dan rasul dan membantunya dengan saudaranya, Nabi Harun, ‘alaihimas-salam.

Keduanya telah pergi menghadap Firaun dan menyampaikan

*Bani Israel telah diperhamba Firaun di Mesir. Di bawah ini kamu dapat melihat mereka yang dipaksa melakukan kerja-kerja berat.*



pesanan Allah kepadanya. Ini adalah tugas yang amat sukar, tetapi tanpa ragu-ragu mereka telah menyeru seorang pemerintah yang zalim untuk mempercayai Allah dan menyembah-Nya. Seruan Nabi Musa ini telah dicatatkan di dalam Al-Quran seperti berikut:

**Kemudian Kami mengutuskan Nabi Musa selepas Rasul-rasul itu, dengan membawa ayat-ayat Kami kepada Firaun dan Ketua-ketua kaumnya, lalu mereka berlaku zalim (ingkar) akan ayat-ayat itu. Maka perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang berbuat kerosakan.**

Dan berkatalah Nabi Musa: "Hai Firaun! Sesungguhnya aku ini adalah seorang Rasul dari Tuhan sekalian alam.

"Sudah semestinya aku tidak mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar. Sesungguhnya aku datang kepada kamu dengan membawa keterangan yang nyata dari Tuhan kamu. Oleh itu, bebaskanlah Kaum Bani Israil menyertai aku (ke Palestin).

*(Surah Al-A'raaf:103-105)*



Firaun adalah seorang yang bongkak dan sombong. Mendakwa dia dapat mengawal segalanya, dia mengingkari Allah. Allah telah menganugerahkan kepadanya segala yang dimilikinya, kekuatannya dan negara, tetapi kerana Firaun kurang bijak, dia tidak dapat memahami perkara ini.

Firaun menentang Nabi Musa dan tidak langsung beriman dengan Allah, dia juga, seperti yang disebutkan terdahulu, seorang yang sangat zalim. Dia menjadikan Bani Israil sebagai hamba-hambanya. Apabila telah jelas Firaun cuba menghapuskan Nabi Musa dan semua orang yang beriman, mereka telah melarikan diri daripada Mesir di bawah pimpinan Nabi Musa. Nabi Musa (A.S.), dan kaum Bani Israil terperangkap di antara laut dan tentera-tentera Firaun yang mengejar mereka. Tetapi, walaupun berada di dalam keadaan yang paling genting sekali pun Nabi Musa tidak pernah patah semangat dan hilang kepercayaan kepada Allah. Allah telah membelah laut tersebut kepada dua dan membuka laluan di dalam laut tersebut untuk membolehkan kaum Bani Israil menyeberangnya. Ini adalah mukjizat menakjubkan yang diberikan Allah kepada Nabi Musa. Setelah Bani Israil tiba ke pantai seberang, laut yang terbelahpun kembali bercantum, menenggelamkan Firaun dan tentera-tenteranya.

Allah merakam peristiwa mukjizat ini di dalam Al-Quran seperti berikut:


**(Keadaan mereka) samalah seperti keadaan Firaun dan kaumnya serta orang-orang yang terdahulu dari mereka. Mereka mendustakan ayat-ayat Tuhan mereka, lalu Kami binasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka, dan Kami tenggelamkan Firaun serta pengikut-pengikutnya (di laut), kerana kesemuanya adalah orang-orang yang zalim.**

*(Surah Al-Anfaal:54)*

Apabila Firaun menyedari dia akan mati, dia mendakwa telah beriman dengan Allah dan dengan itu dia cuba menyelamatkan dirinya. Kita tidak tahu sama ada penyesalannya pada saat-saat akhir ini berguna, kerana Allah hanya menerima jika penyesalan kita adalah ikhlas dan sebelum saat kematian. Allah itu Maha Pengasih. Jika penyesalan hanya dirasai ketika saat kematian, sudah tentu ia tidak ikhlas, taubat seperti ini tidak akan menyelamatkan sesiapa. Mungkin inilah yang berlaku kepada Firaun. Tetapi hanya Allah mengetahui. Apabila kita membaca kisah ini, kita hendaklah memohon kepada Allah sepanjang hidup kita dan tidak melakukan kesilapan Firaun. Jika kita gagal, merasa kesal pada saat-saat kematian sudah tidak berguna.



*Nabi Musa, ('alaihis-salam) dan kaum Bani Israil terperangkap di antara laut dan tentera-tentera Firaun yang mengejar mereka. Tetapi, walaupun berada di dalam keadaan yang paling genting sekalipun Nabi Musa tidak pernah patah semangat dan hilang kepercayaan kepada Allah. Allah telah membelah laut tersebut kepada dua dan membuka laluan di dalam laut tersebut untuk membolehkan kaum Bani Israil menyeberanginya. Ini adalah mukjizat menakjubkan yang diberikan Allah kepada Nabi Musa. Setelah Bani Israil tiba ke pantai seberang, laut yang terbelah pun kembali bercantum, menenggelamkan Firaun dan tentera-tenteranya.*



*Nabi Yunus telah dicampakkan daripada kapal ke laut. Kemudian, seekor ikan gergasi menelannya. Allah menyelamatkan Nabi Yunus ('alaihis-salam) daripada situasi genting ini.*

## **Nabi Yunus (A.S.)**

Tidak kira betapa tertekan dan sukarnya satu situasi, seseorang itu hendaklah sentiasa mempercayai Allah dan memohon pertolongan daripada-Nya. Seperti yang telah kami sebutkan di dalam bab-bab lepas, Nabi Musa ('alaihis-salam) tidak pernah putus harapan apabila dia terperangkap di antara tentera Firaun dan Laut Merah, tetapi dia sentiasa yakin kepada Allah. Nabi Yunus ('alaihis-salam) juga mempamerkan sikap yang serupa.

Walaupun, baginda telah ditugaskan Allah untuk memberi ingatan kepada mereka, Nabi Yunus (A.S.) sebaliknya telah meninggalkan mereka dan tidak memberi ingatan kepada mereka.



Kerana itu, Allah telah mengenakan kepadanya beberapa ujian: Pertama, dia telah dibuang daripada kapal yang dinaikinya untuk belayar. Kemudian seekor ikan gergasi telah menelannya. Ini menyebabkannya merasa menyesal di atas segala perlakuannya, dia kembali bertaubat kepada Allah, memohon perlindungan daripada-Nya. Kisah ini disebutkan di dalam Al-Quran seperti berikut:

**Dan (sebutkanlah peristiwa) Dhun-Nun, ketika ia pergi (meninggalkan kaumnya) dalam keadaan marah, yang menyebabkan ia menyangka bahawa Kami tidak akan mengenakannya kesusahan atau cubaan; (setelah berlaku kepadanya apa yang berlaku) maka ia pun menyeru dalam keadaan yang gelap-gelita dengan berkata: "Sesungguhnya tiada**

**Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolonganlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri".**

**Maka Kami kabulkan permohonan doanya, dan Kami selamatkan dia dari kesusahan yang menyelubunginya; dan sebagaimana Kami menyelamatkannya Kami akan selamatkan orang-orang yang beriman (ketika mereka merayu kepada Kami).**

*(Surah Al-Anbiya:87-88)*

Di dalam Al-Quran Allah telah menceritakan apa yang akan terjadi kepadanya sekiranya dia tidak meyakini Allah dan memohon kepada-Nya.

**Maka kalaualah dia bukan dari orang-orang yang sentiasa mengingati Allah (dengan zikir dan tasbih),**

**Tentulah ia akan tinggal di dalam perut ikan itu hingga ke hari manusia dibangkitkan keluar dari kubur.**

**Oleh itu Kami campakkan dia keluar (dari perut ikan) ke tanah yang tandus (di tepi pantai), sedang ia berkeadaan sakit.**

**Dan Kami tumbuhkan (untuk melindunginya) sebatang pokok yang berdaun lebar.**

**Dan (Nabi Yunus yang tersebut kisahnya itu) Kami utuskan kepada (kaumnya yang seramai) seratus ribu atau lebih.**

*(Surah As-Saaffaat: 143-147)*

Allah telah menyelamatkannya daripada situasi yang paling genting. Ini adalah bukti jelas bahawa manusia tidak sepatutnya berputus asa dengan pertolongan Allah. Pengalaman Nabi Yunus ('alaihis-salam) adalah pengajaran kepada orang-orang beriman:

Jangan menangguhkan sebarang pekerjaan, walaupun ia sangat sukar, dan kita hendaklah sentiasa memohon kepada Allah dan meminta pertolongan daripada-Nya.

## Nabi Yusuf (A.S.)

Di dalam Al-Quran kita akan menemui perincian lengkap kisah Nabi Yusuf, ('alaihis-salam).

Di sini, kita hanya akan menceritakannya secara ringkas dan melihat sifat-sifat terpuji yang ada padanya. Yusuf adalah salah seorang putera Nabi Ya'qub ('alaihimas-salam). Ketika baginda masih kecil, dia telah dihumban ke dalam perigi oleh abang-abangnya kerana iri hati kepadanya. Mereka memberitahu ayahanda mereka seekor serigala telah memakannya. Penggembala di dalam sebuah kafilah telah menemuinya dan menjualnya di istana seorang pembesar Mesir. Di sana, dia telah difitnah dan dipenjarakan selama beberapa tahun. Dia akhirnya didapati tidak bersalah dan dibebaskan. Disebabkan baginda adalah seorang yang bijaksana dan amanah dan kerana dia sama sekali tidak bersalah, pemerintah Mesir telah meletakkan harta negara dan gudang di bawah kekuasaannya.

Akhirnya, Nabi Yusuf telah memaafkan saudara-saudara yang telah menzaliminya dan membawa mereka dan ibubapa mereka tinggal bersama dengannya. Nabi Yusuf (A.S.) mempunyai sikap terpuji. Allah telah mengujinya dengan berbagai cara, menyelamatkannya daripada perigi, menyelamatkannya daripada situasi keji dengan menghantarnya ke penjara dan kemudian menyelamatkannya daripada penjara dan membersihkan nama baiknya, akhirnya menganugerahkannya dengan kedudukan yang

tinggi. Di dalam setiap situasi, Nabi Yusuf (A.S.) berpaling kepada Allah dan memohon kepada-Nya. Walaupun tidak bersalah, dia telah dipenjarakan selama beberapa tahun, tetapi dia tidak pernah lupa ini adalah ujian daripada Allah. Di dalam penjara beliau sering menyebut kekuasaan Allah dan keagungan-Nya kepada mereka yang berada di sekelilingnya. Ketaatan dan keyakinannya kepada Allah di dalam keadaan-keadaan genting ini membuktikan sikapnya yang mulia.

## **Nabi Ayyub (A.S.)**

Tabah berhadapan dengan apa sahaja yang dihadapinya adalah satu sikap istimewa orang Islam. Nabi Ayyub ('alaihis-salam) telah diuji dengan kehilangan keluarga dan kekayaannya, dan juga dengan penyakit serius yang benar-benar menyeksanya. Nabi Ayyub hanya memohon pertolongan daripada Allah dan meyakini-Nya. Allah menjawab doanya dan mengajarnya untuk menjadi sihat semula. Teladan yang ditujukan oleh Nabi Ayyub dan doanya telah dicatatkan di dalam Al-Quran seperti berikut:

**Dan (ingatkanlah peristiwa) hamba Kami: Nabi Ayyub ketika ia berdoa merayu kepada Tuhananya dengan berkata: " Sesungguhnya aku digangu oleh Syaitan dengan (hasutannya semasa aku ditimpa) kesusahan dan azab seksa (penyakit)".**

**(Maka Kami kabulkan permohonannya serta Kami perintahkan kepadanya): " Hentakkanlah (bumi) dengan kakimu " (setelah ia melakukannya maka terpancarlah air, lalu Kami berfirman kepadanya): " Ini ialah air sejuk untuk mandi dan untuk minum (bagi menyembuhkan penyakitmu zahir dan batin) ".**

**Dan Kami kurniakan (lagi) kepadanya - keluarganya, dengan sekali ganda ramainya, sebagai satu rahmat dari Kami dan sebagai satu**



peringatan bagi orang-orang yang berakal sempurna (supaya mereka juga bersikap sabar semasa ditimpa malang).

Dan (Kami perintahkan lagi kepadanya): "Ambillah dengan tanganmu seikat jerami kemudian pukullah (isterimu) dengannya; dan janganlah engkau merosakkan sumpahmu itu". Sesungguhnya Kami mendapati Nabi Ayyub itu seorang yang sabar; ia adalah sebaik-baik hamba; sesungguhnya ia sentiasa rujuk kembali (kepada Kami dengan ibadatnya).

(Surah SAAD:41-44)

Jika kita dihinggapi penyakit, mengalami kesusahan atau kesulitan, kita segera berputus asa. Malah sebahagian yang lain mungkin menjadi kufur kepada Allah. Tetapi, sikap seperti ini tidak disukai Allah. Seperti Nabi Ayyub, Allah menurunkan berbagai musibah kepada hamba-hamba-Nya, tetapi penderitaan seperti ini mematangkan orang-orang beriman dan menguji ketaatan mereka kepada Allah.

Ketika berhadapan dengan musibah-musibah ini kita hendaklah berdoa kepada Allah dan meyakini-Nya. Kita hendaklah menjadi seorang yang tabah seperti Nabi Ayyub ('alaihis-salam) dan berpaling kepada Allah. Hanya dengan itu, Allah akan menghilangkan kesulitan kita dan memberikan kita ganjaran di dunia dan di akhirat.

## Nabi 'Isa (A.S.)

Allah menjadikan Nabi 'Isa ('alaihis-salam) dengan cara istimewa. Seperti Nabi Adam, Allah menjadikannya tanpa ayah. Ini diceritakan di dalam Al-Quran seperti berikut:

**Sesungguhnya perbandingan (kejadian) Nabi Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" maka menjadilah ia.**

(Surah Ali 'Imran:59)

Di dalam Al-Quran, Nabi 'Isa ('alaihis-salam) dirujuk sebagai "anak Maryam". Maryam adalah seorang wanita mulia yang dijadikan Allah sebagai contoh kepada wanita-wanita lain. Dia adalah seorang perawan suci dan beriman kepada Allah. Allah memberikannya 'Isa melalui malaikat Jibrail secara mukjizat tanpa ayah, dan khabar gembira anaknya akan dilantik menjadi nabi.

Allah menjadikan 'Isa seorang nabi dan menurunkan kepadanya kitab Injil, salah sebuah daripada kitab-kitab suci yang Allah turunkan kepada manusia. (Selepas Nabi 'Isa menghilangkan diri, Injil juga telah diubah oleh manusia. Hari ini, kita tidak mempunyai kitab Injil yang sebenar, dan kitab yang orang-orang

Kristian gelar sebagai Bible, bukan kitab sebenar). Allah memerintahkan Nabi ‘Isa membimbing kaumnya ke jalan yang benar dan menganugerahkannya dengan berbagai mukjizat. Baginda telah bertutur ketika masih berada di dalam buaian dan memberitahu manusia tentang Allah. Nabi ‘Isa juga memberikan khabar gembira tentang Nabi Muhammad (Ahmad) (S.A.W), rasul Allah yang akan menggantikannya, diceritakan di dalam Al-Quran seperti berikut:

**Dan (ingatlah juga peristiwa) ketika Nabi Isa ibni Maryam berkata: "Wahai Bani Israel, sesungguhnya aku ini Pesuruh Allah kepada kamu, mengesahkan kebenaran Kitab yang diturunkan sebelumku, iaitu Kitab Taurat, dan memberikan berita gembira dengan kedatangan seorang Rasul yang akan datang kemudian daripadaku - bernama: Ahmad". Maka ketika ia datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata, mereka berkata: "Ini ialah sihir yang jelas nyata!"**

*(Surah As-Saff:6)*

Pada zaman itu, tidak ramai yang beriman dengan Nabi ‘Isa atau menolongnya. Musuh-musuh Nabi ‘Isa merancang plot untuk membunuhnya. Mereka menyangka telah berjaya menangkap dan menyalibnya. Tetapi di dalam Al-Quran Allah menceritakan bahawa baginda tidak dibunuh:

**Dan juga (disebabkan) dakwaan mereka dengan mengatakan: "Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masih Isa Ibni Maryam, Rasul Allah". Padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak memalangnya (di kayu palang - salib), tetapi diserupakan bagi mereka (orang yang mereka bunuh itu seperti Nabi Isa). Dan Sesungguhnya orang-orang yang telah berselisih faham, mengenai Nabi Isa, sebenarnya mereka berada dalam keadaan syak (ragu-ragu) tentang menentukan (pembunuhan). Tiada sesuatu**

pengetahuanpun bagi mereka mengenainya selain daripada mengikut sangkaan semata-mata; dan mereka tidak membunuhnya dengan yakin.

*(Surah An-Nisa:157)*

Selepas Nabi ‘Isa menghilangkan diri, musuh-musuhnya cuba mengubah wahyu-wahyu yang dibawanya. Mereka mula menggambarkan Nabi ‘Isa dan Maryam sebagai makhluk luar biasa dan malah “tuhan”. Sehingga kini, masih terdapat mereka yang mempercayai kepercayaan karut ini. Di dalam perkataan Nabi ‘Isa sendiri, Allah memaklumkan kepada kita kepalsuan kepercayaan ini:

**Dan (ingatlah) ketika Allah berfirman: “Wahai Isa ibni Maryam! Engkaukah yang berkata kepada manusia: ‘Jadikanlah daku dan ibuku dua tuhan selain dari Allah?’”** Nabi ‘Isa menjawab: "Maha Suci Engkau (wahai Tuhan)! Tidaklah layak bagiku mengatakan sesuatu yang aku tidak berhak (mengatakannya). Jika aku ada mengatakannya, maka tentulah Engkau telah mengetahuinya. Engkau mengetahui apa yang ada pada diriku, sedang aku tidak mengetahui apa yang ada pada diriMu; kerana sesungguhnya Engkau jualah Yang Maha Mengetahui perkara-perkara yang ghaib."

**"Aku tidak mengatakan kepada mereka melainkan apa yang Engkau perintahkan kepadaku mengatakannya, iaitu: ‘Sembahlah kamu akan Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu’ dan adalah aku menjadi pengawas terhadap mereka (dengan membenarkan yang benar dan menyalahkan yang salah) selama aku berada dalam kalangan mereka; kemudian apabila Engkau sempurnakan tempohku, menjadilah Engkau sendiri yang mengawasi keadaan mereka, dan Engkau jualah yang menjadi Saksi atas tiap-tiap sesuatu."**

*(Surah Al-Maidah:116-117)*

Selepas kehilangannya, jumlah mereka yang beriman kepadanya bertambah dengan banyak sekali, tetapi hari ini mereka mengikut jalan yang salah kerana mereka mengikut Bible, yang telah diubah dengan penambahan dan pengurangan.

Jalan yang benar kini ialah jalan yang Nabi Muhammad (S.A.W.) bawa kita kepadanya, seperti yang disebutkan di dalam Al-Quran, kerana ia adalah satu-satunya wahyu Allah yang tidak diubah.

## Nabi Muhammad (S.A.W.)

Kita mengetahui lebih banyak tentang rasul Allah Nabi Muhammad (S.A.W.), kerana baginda adalah nabi terakhir dan telah hidup 1,400 tahun dahulu. Manusia telah mengubah dan memesongkan semua agama Allah yang diturunkan sebelumnya. Kerana itulah, kitab terakhir yang akan dipegang oleh manusia



**Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad (S.A.W.), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat lobakan (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman.**

*(Surah At-Taubah:128)*

hingga Hari Kiamat telah diturunkan kepada nabi kita: untuk membetulkan semua penyelewengan yang dilakukan di dalam agama-agama dahulu. Allah menyampaikan apa yang dituntut daripada hamba-hamba-Nya melalui Al-Quran. Nabi kita berhadapan dengan berbagai kesukaran ketika menyampaikan ajaran Allah kepada manusia.

Berbagai tohmahan tidak berasas telah dilemparkan kepadanya, sedangkan baginda tidak pernah meminta sebarang ganjaran daripada mereka dan tidak mempunyai kepentingan dunia. Baginda telah dipaksa berpindah daripada Mekah, tanah kelahirannya. Orang-orang Islam pertama mengikutnya juga telah diseksa, sebahagian mereka telah didera dan dizalimi. Tetapi Allah tidak membenarkan orang-orang kafir menghancurkan agama Islam yang tidak dapat diselewengkan sehingga kini. Bertepatan dengan janji Allah, setiap perkataan di dalam Al-Quran selamat dan sempurna.

Seruan Nabi Muhammad (S.A.W.) juga ditujukan kepada manusia yang hidup hari ini. Allah memerintahkan semua manusia mentaati rasul-Nya, dan di dalam banyak ayat Dia menegaskan mentaati rasul-Nya adalah sama dengan mentaati-Nya. Kerana itu, mentaati nabi adalah salah satu prinsip terpenting di dalam Islam. Ketaatan sepenuh hati untuk melaksanakan arahan nabi kita adalah satu manifestasi kepada ketaatan kepada Allah. Di dalam Al-Quran Allah menyebutkan tingkah laku mulia nabi kita, yang menjadi contoh kepada semua manusia. Sebahagian daripada ayat-ayat tersebut adalah:

**Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala Nabi-nabi. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.**

(Surah Al-Ahzab:40)

**Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmat-Nya) kepada orang-orang yang beriman, setelah Ia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan Al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syariat). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.**

*(Surah Ali 'Imran:164)*

Dengan ayat yang bermula dengan perkataan, “Bacalah...”, Allah memerintahkan Nabi Muhammad (S.A.W.) bagaimana hendak menyampaikan ajaran-Nya. Melalui ayat ini dan ayat-ayat lain, nabi kita menyampaikan ajaran Allah kepada manusia. Isteri baginda Aishah (R.A.) menyatakan, “Akhlak baginda adalah Al-Quran”. Beliau maksudkan ialah baginda mematuhi Al-Quran sepenuhnya, dan kita tahu Sunnah adalah manifestasi praktikal bagaimana mengikut Al-Quran. Di dalam sepotong ayat, Allah menyatakan sesiapa yang bertakwa kepada Allah dan mahu diampuni hendaklah mentaati Rasulullah (S.A.W.):

**Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.**

*(Surah Ali 'Imran:31)*

Seperti yang dinyatakan di dalam ayat di atas, jika kita mahu Allah menyayangi kita, kita hendaklah mengikut apa segala seruan nabi dan mengamalkannya.

# Mukjizat Al-Qur'an

K

ami sebutkan terdahulu, mukjizat terbesar diberikan kepada Nabi kita ialah Al-Quran. Al-Quran telah diturunkan kepada manusia 1,400 tahun dahulu, tetapi terdapat beberapa fakta di dalam Al-Quran yang hanya dapat difahami mutakhir ini.

Dari planet-planet kepada bintang-bintang, manusia kepada haiwan, Allah menjadikan segalanya di alam ini. Tuhan kita mengetahui segala yang belum kita ketahui setakat ini dan Dia memaklumkan kepada kita sebahagian daripadanya di dalam Al-Quran. Kita hanya dapat mempelajarinya jika Allah membenarkannya, dan kemudian kita menyedari ia adalah mukjizat Allah.

Al-Quran mengandungi banyak keajaiban saintifik. Di sini kita hanya akan memperkatakan beberapa keajaiban Al-Quran ini. (Untuk maklumat lanjut, anda boleh rujuk buku, Miracles of the Qur'an)



## Bagaimana Cakerawala Ini Wujud

Penciptaan cakerawala ini telah disebutkan di dalam Al-Quran di dalam ayat berikut dan ayat-ayat lain:

**(Dialah) yang menciptakan langit dan bumi. Bagaimanakah ia mempunyai anak sedang ia tidak mempunyai isteri? Ia pula yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan segala-galanya.**


*(Surah Al-An'am:101)*

Di dalam bahagian pertama buku ini, kami telah membincangkan dengan terperinci bagaimana cakerawala ini wujud daripada tiada 15 ribu juta tahun dahulu. Dengan kata lain, alam ini wujud secara mendadak daripada ketiadaan.

Hanya ilmu sains abad ke-20 membolehkan kita mendapatkan maklumat saintifik tentang peristiwa hebat ini. Oleh itu, sudah tentu mustahil ia boleh diketahui secara saintifik 1,400 tahun dahulu. Tetapi seperti yang disebutkan di dalam ayat berikut, Allah telah memberitahu kita fakta ini apabila Al-Quran mula diturunkan. Ini adalah satu mukjizat Al-Quran dan satu bukti bahawa ia adalah Kalam Allah.

### Orbit

Kebanyakan kamu telah mengetahui bahawa bumi kita dan planet-planet lain mempunyai orbit. Sebenarnya, tidak hanya planet-planet di dalam Sistem Solar kita sahaja yang mempunyai orbit, tetapi semua objek di langit juga mempunyai orbit tersendiri. Oleh itu, mereka bergerak mengikut laluan yang tepat. Kebenaran saintifik ini yang hanya ditemui ahli sains mutakhir ini telah diturunkan 1,400 tahun dahulu:



Yang bersifat demikian ialah Allah,  
Tuhan kamu; yang menciptakan tiap-tiap  
sesuatu (dari tiada kepada ada); tiada  
Tuhan (yang berhak disembah) melainkan  
Dia; maka bagaimana kamu dapat  
dipalingkan (daripada menyembah-Nya)?

*(Surah Ghafir:62)*

**Dan Dialah (Tuhan) yang telah menjadikan malam dan siang, serta matahari dan bulan; tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edaran masing-masing (di angkasa lepas).**

(Surah Al-Anbiyak:33)

Seperti yang dapat diperhatikan di dalam ayat ini, Allah telah memaklumkan kita satu fakta saintifik yang hanya ditemui hari ini. Ketika Al-Quran diturunkan, manusia tidak mengetahui objek-objek langit bergerak mengikut orbit tertentu. Tetapi Allah mengetahui segalanya dan Dia memberitahu apa yang dikehendaki-Nya kepada hamba-hamba-Nya.

## **Laut Tidak Bercampur Antara Satu Sama Lain**

Salah satu sifat laut yang hanya diketahui kini telah diceritakan di dalam sepotong ayat Al-Quran seperti berikut:

**Ia biarkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu;**

**Di antara keduanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya;**

(Surah Ar-Rahman:19-20)

Sifat laut yang tidak bertemu tetapi tidak bercampur antara satu sama lain, hanya mula ditemui baru-baru ini oleh pakar oseanografi. Disebabkan oleh kuasa fizik yang dikenali sebagai “tegangan permukaan”, air pada lautan bersebelahan tidak bercampur. Disebabkan oleh perbezaan kepekatan air, tegangan

permukaan menghalang mereka daripada bercampur antara satu sama lain, seolah-olah terdapat satu dinding nipis di antara keduanya.

Yang menariknya ialah ketika manusia tidak mempunyai pengetahuan tentang fizik, tegangan permukaan dan oseanografi; ia telah didedahkan di dalam Al-Quran.

## Bumi Yang Bulat

Pengetahuan astronomi ketika Al-Quran diturunkan, melihat bumi ini dengan pandangan berbeza. Sesetengah berpendapat bumi ini sama rata, dan sebahagian yang lain pula mempunyai teori-teori berbeza. Tetapi kenyataan bumi ini bulat masih tidak diketahui. Tetapi, di dalam Al-Quran telah diketahui secara kesimpulan bahawa bentuk bumi ini adalah bulat. Ayat tersebut ialah:

**Ia menciptakan langit dan bumi dengan ada faedah dan gunanya yang sebenar; ia pula menjadikan malam melingkari siang (dengan gelapnya), dan menjadikan siang melingkari malam (dengan cahayanya); dan ia menjadikan matahari dan bulan beredar menurut perintahnya, - tiap-tiap satu dari keduanya, beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Ingatlah! Dialah Yang Maha Kuasa, lagi Yang sentiasa Mengampuni.**

(Surah Az-Zumar:5)



Perkataan Arab “takwir” diterjemahkan sebagai “melingkari” di dalam ayat di atas. Di dalam bahasa Melayu untuk melilit atau melipat di sekeliling sesuatu untuk menutup atau melindunginya; menutupi seperti sehelai kain yang menutupi siang dan malam hanya dapat melingkari antara satu sama lain jika bumi ini berbentuk bulat. Tetapi, seperti yang disebutkan sebelum ini, orang-orang Arab yang hidup 1,400 tahun dahulu beranggapan bumi ini sama rata. Ini bererti kebulatan bumi telah dibayangkan di dalam Al-Quran yang diturunkan pada abad ke-7. Ini kerana Allah mengajar kebenaran kepada manusia. Perkara ini, ditunjukkan di dalam kitab yang diturunkan Allah ini, hanya terbukti beberapa abad kemudian oleh para ahli sains.

Disebabkan Al-Quran adalah Kalam Allah, perkataan paling tepat digunakan untuk menggambarkan cakerawala ini. Adalah mustahil untuk manusia mengetahui dan memilih perkataan-perkataan ini. Tetapi kerana Allah mengetahui segalanya, Dia dapat menjadikan fakta-fakta ini diketahui manusia apabila dikehendaki-Nya.



## Cap Jari

Apabila dinyatakan di dalam Al-Quran bahawa Allah dapat menghidupkan manusia selepas kematianya dengan mudah, Allah telah menarik perhatian kepada cap jari manusia:

**Patutkah manusia (yang kafir) menyangka bahawa Kami tidak akan**

**dapat mengumpulkan tulang-tulangnya (dan menghidupkannya semula)?**

**Bukan sebagaimana yang disangka itu, bahkan Kami berkuasa menyusun (dengan sempurnanya segala tulang) jarinya, (tulang yang lebih halus dari yang lain).**

*(Surah Al-Qiyamah:3-4)*

Mengembalikan semula tubuh manusia yang telah hancur adalah terlalu mudah bagi Allah. Sekarang, perhatikan cap jari kamu. Setiap cap jari adalah unik. Jika kamu mempunyai kembar, saudara kembar kamu juga berbeza. Setiap manusia yang hidup atau siapa sahaja yang pernah hidup di dunia ini mempunyai satu set cap jari yang unik. Kerana itulah ia seunik identiti seorang manusia.

Allah Yang Maha Kuasa dapat menjadikan semula kita, dan semua perincian kita. Sementara itu, jangan lupa tanda cap jari dan kenyataan bahawa setiap manusia mempunyai satu set cap jari khas untuk dirinya hanya diketahui pada abad ke-19. Tetapi Allah telah menyebutnya di dalam Al-Quran 1,400 tahun dahulu.

Terdapat banyak lagi mukjizat yang terdapat di dalam Al-Quran. Kita hanya membincangkan sebahagian kecil daripadanya. Ini sahaja sudah memadai untuk menunjukkan Al-Quran adalah Kalam Allah. (Untuk maklumat lanjut, sila rujuk buku, Miracles of the Qur'an oleh Harun Yahya)

Allah memberitahu kita seperti berikut mengenai Al-Quran:

**Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? Kalauolah Al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.**

*(Surah An-Nisaa:82)*

Seperti yang ditunjukkan di dalam ayat di atas, Al-Quran memberikan maklumat tepat. Dengan kemajuan sains, lebih banyak mukjizat yang disebutkan di dalam Al-Quran sedang didedahkan. Mukjizat Al-Quran ini telah membuktikan bahawa ia adalah wahyu daripada Allah. Pada peringkat ini, menjadi tanggungjawab kita untuk mempelajari dan melaksanakan Al-Quran dengan teliti.

Allah memerintahkan kita berpegang kepada Al-Quran di dalam banyak ayat. Sebahagiannya seperti berikut:

**Dan ini sebuah Kitab (Al-Quran) yang Kami turunkan, yang ada berkatnya (banyak manfaatnya). Oleh itu, hendaklah kamu menurutnya; dan bertakwalah (kepada Allah), mudah-mudahan kamu beroleh rahmat.**

(Surah Al-An'am:155)

**Janganlah melakukan lagi yang sedemikian itu! Sebenarnya ayat-ayat Al-Quran adalah pengajaran dan peringatan (yang mencukupi).**

**Maka sesiapa yang mahukan kebaikan dirinya, dapatlah ia mengambil peringatan daripadanya.**

(Surah 'Abasa:11-12)





## Bagaimanakah Akhlak Yang Allah Kehendaki?

*A*l-Quran yang menjadi panduan seluruh manusia, adalah Kalam Allah. Kita dapat mencapai akhlak yang direndai Allah dengan membaca ayat-ayat Al-Quran dan mengamalkannya. Ia amat mudah. Tetapi, sebaliknya kebanyakan manusia melakukan kesilapan dengan menyimpang jauh daripada nilai-nilai yang direndai Allah. Jika suatu hari, setiap orang di keliling kamu mengikut arahan Allah dan mengamalkan nilai-nilai murni yang Allah tuntut daripada

manusia, sudah tentu dunia ini akan menjadi tempat yang lebih baik. Sekarang mari kita kaji secara ringkas apakah kebaikan-kebaikan ini.

Kita semua tahu Allah menjadikan manusia. Sudah tentu, Allah lebih mengetahui kebaikan dan keburukan yang dimiliki manusia. Seseorang itu mungkin dapat memperdayakan orang lain, tetapi tidak mungkin dapat menyembunyikan sesuatu daripada Allah. Kerana, tidak seperti kita, Allah tahu pemikiran dalaman manusia. Oleh itu, seseorang itu hendaklah sentiasa ikhlas dan amanah kepada Allah. Sepotong ayat menyatakan:

**Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika kamu sembunyikan apa yang ada dalam dada kamu atau kamu melahirkannya, nescaya Allah mengetahuinya; dan Ia mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Dan Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.**

*(Surah Ali Imran:29)*

**Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu. Kemudian Ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyeksa sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.**

*(Surah Al-Baqarah:284)*

Seorang yang menyedari Allah mendengar setiap patah perkataan yang dituturkannya, mengetahui setiap perlakuannya dan setiap apa yang difikirkannya, tidak akan melakukan kejahanatan, walaupun ia terlindung daripada manusia lain. Ini bererti, untuk menjadi seorang yang benar-benar baik, dia mestilah meyakini kewujudan Allah dan kesatuan-Nya, mengakui kekuasaan-Nya dan menyedari Dia melihat dan mendengar segalanya. Ini salah satu prasyarat untuk mendapatkan nilai-nilai yang Allah tuntut daripada hamba-hamba-Nya.

## Mencintai Allah dan Meyakini-Nya

Tidakkah kamu mengharapkan kasih sayang daripada ibubapa kamu? Kamu juga menyayangi mereka. Mereka memelihara, menyayangi dan memenuhi keperluan kamu. Kamu mempercayai mereka. Jika kamu berhadapan dengan kesusahan, kamu tahu mereka sedia membantu.

Pernahkah kamu terfikir, bagaimana kamu mencintai Allah dan meyakini-Nya?

Allah memenuhi keperluan setiap makhluk yang dijadikan-Nya. Terima kasih kepada rahmat-Nya, kita dapat hidup di dalam dunia ini dengan aman dan merasai berbagai nikmat.

Allah menjadikan matahari supaya kita dapat hidup di bumi. Allah juga menjadikan sayur-sayuran, buah-buahan dan haiwan untuk kita. Kita mempunyai roti, susu, daging dan berbagai sayur-sayuran dan buah-buahan lazat kerana Allah menjadikan semuanya untuk kita.

Allah menjadikan hujan agar kita mendapat air segar untuk minum. Dia menjadikan lautan, yang sentiasa berair masin. Tanpa hujan sudah





tentu tidak ada air segar atau air masin di bumi. Air amat penting kepada kita. Seperti yang kamu tahu, manusia hanya akan selamat tanpa air selama beberapa hari sahaja.

Allah menempatkan sistem imuniti di dalam badan kita untuk melindungi kita daripada kuman. Terima kasih kepada sistem imuniti ini, kita tidak mati disebabkan oleh kuman-kuman ringkas yang menyebabkan demam biasa.

Di samping itu, Allah menjadikan jantung kita berdegup berterusan sepanjang hidup kita. Jika jantung kita perlu berhenti rehat pada waktu tertentu, seperti sebuah injin, sudah tentu kita mati. Tetapi jantung berdegup tanpa berhenti selama beberapa dekad tanpa rehat dan ini membolehkan kita hidup.

Allah menjadikan mata untuk melihat, telinga untuk mendengar, hidung untuk menghidu dan lidah untuk merasa. Ini hanya beberapa nikmat yang Allah berikan kepada kita. Kita tidak dapat menghitung

nikmat yang Allah berikan kepada kita. Di dalam ayat lain, Allah Yang Maha Pemurah, memberitahu kita seperti berikut:

**Dan Ia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhan.**

*(Surah Ibrahim:34)*

Seperti yang dapat difahami daripada Al-Quran, mengingkari nikmat-nikmat ini, melupakan semua nikmat-nikmat ini adalah daripada Allah dan tidak bersyukur di atas segala yang telah dikurniakan kepada kita, adalah perbuatan yang keji. Allah tidak mengasihi mereka yang tidak bersyukur.

Balasan kepada nikmat-nikmat-Nya, Allah hanya mahu kita menyayangi-Nya, dan bersyukur kepada-Nya, iaitu berterima kasih kepada-Nya. Arahan-Nya dicatatkan di dalam ayat berikut:

**Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran); supaya kamu bersyukur.**

*(Surah An-Nahl:78)*

**Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata.**

*(Surah An-Nahl:114)*

**Dan Dialah jua yang mengadakan bagi kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (untuk kamu bersyukur; tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.**

*(Surah Al-Mu'minun:78)*

Di dalam ayat lain, ia menceritakan bahawa mereka yang beriman menyayangi Allah:

(Walaupun demikian), ada juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah), mereka mencintainya, (memuja dan mentaatinya) sebagaimana mereka mencintai Allah; sedang orang-orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah. Dan kalaular orang-orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah, dan bahawa sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya, (nescaya mereka tidak melakukan kezaliman itu).

(Surah Al-Baqarah:165)

Allah menjaga dan memelihara ibu bapa kamu dan semua orang. Kita semua memerlukan Allah. Sama ada ibu bapa kita atau kita sendiri tidak dapat melakukan perkara-perkara ini. Kerana itu, kita hendaklah menyayangi Allah dan meyakini-Nya.

Menyayangi Allah lebih daripada sesiapa atau apa sahaja, meyakini-Nya dan mengakui Dia telah memberikan kita segalanya adalah akhlak terbaik yang direndai Allah.

## Bagaimana Kita Bergaul Dengan Masyarakat?

Allah tidak membenarkan kita menjadi sompong, memperolok-olokkan orang lain dan bongkak. Menjadi seorang yang jujur dan mulia adalah sifat-sifat yang direndai Allah.

Manusia sering terpengaruh dengan orang sekitar mereka. Jika



mereka mempunyai kawan-kawan yang jahat, mereka akan dipengaruhi mereka. Tetapi seorang yang beriman dengan Allah dan mengakui Allah sentiasa melihatnya tidak akan melakukan perbuatan jahat, walaupun dia berhadapan dengan keadaan yang paling genting. Dia menjadi teladan terbaik kepada mereka yang tidak amanah dan suka melakukan kejahanatan.

Allah sukakan orang yang sabar. Perkataan “sabar” di dalam Al-Quran tidak hanya merujuk kepada bersabar ketika berhadapan dengan kesukaran sahaja, tetapi ia bererti bersabar setiap masa sepanjang hidupnya. Kesabaran seseorang itu tidak akan berubah oleh manusia atau keadaan. Contohnya, orang yang tidak kuat keimanannya mungkin hanya akan berbuat baik kepada mereka yang boleh memberi keuntungan kepadanya, tetapi gagal melakukannya berterusan. Apabila kepentingannya sudah tiada, dia dengan segera berubah laku. Bagaimanapun, orang beriman sangat teliti menghindari perbuatan jahat. Dia bergaul dengan setiap orang dengan akhlak yang baik dan istiqamah melakukannya, tidak kira

bagaimana keadaannya atau bagaimana perangai manusia. Walaupun dia berada di dalam keadaan marah, dia berusaha mengawal dirinya dan bersabar.

Di dalam sepotong ayat, Allah memerintahkan manusia berlumba-lumba ke arah kesabaran:

**Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebaikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya, kamu berjaya (mencapai kemenangan).**

*(Surah Ali 'Imran:200)*

Kesabaran para nabi yang disebutkan di dalam Al-Quran memberikan kita contoh teladan. Jika kamu masih ingat, penderitaan Nabi Ayyub (A.S.) berlaku dalam tempoh begitu lama. Tetapi hamba Allah yang mulia ini bersabar dan berdoa kepada Allah. Allah menjawab doanya dan memberikannya jalan keluar.

Nabi Nuh (A.S) juga bersabar ketika masyarakatnya mencemuhnya kerana bahtera yang dibinanya. Dia tetap tenang dan menasihati mereka. Ini adalah contoh kesabaran luar biasa yang dipamerkan oleh manusia-manusia mulia ini. Allah menyebut di dalam



banyak ayat bahawa Dia sukaikan orang yang bersabar.

Sebaliknya, Allah tidak sukaikan mereka yang angkuh. Tidak semua manusia menikmati kesenangan yang sama di dunia ini. Sebahagian memiliki rumah-rumah yang cantik dan kereta, sementara sebahagian yang lain tidak mempunyai apa-apa, tetapi yang penting ialah bagaimana seseorang itu mengawal dirinya dengan baik. Contohnya, beranggapan seorang sahabat lebih baik daripada yang lain hanya kerana dia berpakaian cantik, adalah perlakuan yang tidak direndai Allah. Kerana Allah menyuruh kita menilai seseorang itu berdasarkan kepada iman mereka, bukan penampilan diri.

Bagi Allah, ukuran ketinggian tidak pada kekayaan dan kekuatan, kecantikan dan kegagahan, Allah menilai manusia berdasarkan kepada ketakwaan mereka, kecintaan mereka kepada-Nya, kesetiaan dan komitmen mereka untuk hidup berdasarkan kepada nilai-nilai Al-Quran. Inilah kriteria-kriteria untuk mencapai ketinggian pada pandangan Allah. Di dalam Al-Quran Allah menceritakan kisah Qarun untuk memberi pengajaran kepada kita.

Qarun adalah seorang yang sangat kaya. Dia sangat kaya sehingga kunci-kunci hartanya perlu dipikul beberapa orang. Orang-orang bodoh di kelilingnya berangan-angan untuk menjadi seperti Qarun dan berhasrat memiliki apa sahaja yang dimilikinya. Tetapi Qarun adalah seorang yang takbur dan sompong dan tidak taat kepada Allah. Dia menafikan Allah telah menjadikan semua kekayaan yang dimilikinya. Oleh itu, Allah menimpakan ke atas Qarun bencana yang dahsyat: Dia dan semua yang dimilikinya hilang dalam masa satu malam. Berikutan daripada bencana ini, mereka yang bercita-cita menjadi seperti pula bersyukur kerana tidak menjadi seperti itu. Mereka sedar ini adalah balasan daripada Allah:

Sesungguhnya Qarun adalah ia dari kaum Nabi Musa, kemudian ia berlaku sompong dan zalim terhadap mereka; dan Kami telah mengurniakannya dari berbagai jenis kekayaan yang anak-anak kuncinya menjadi beban yang sungguh berat untuk dipikul oleh sebilangan orang yang kuat sasa. (ia berlaku sompong) ketika kaumnya berkata kepadanya: "Janganlah engkau bermegah-megah (dengan kekayaan mu), sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang bermegah-megah. (seperti lagakmu itu).

(Surah Al-Qasas:76)

Kemudian Qarun keluar kepada kaumnya dengan memakai perhiasannya. (Pada saat itu) berkatalah orang-orang yang semata-mata inginkan kesenangan kehidupan dunia: "Alangkah baiknya kalau kita ada kekayaan seperti yang didapati oleh Qarun! Sesungguhnya dia adalah seorang yang bernasib baik".

Dan berkata pula orang-orang yang diberi ilmu (di antara mereka): "Janganlah kamu berkata demikian, pahala dari Allah lebih baik bagi orang yang beriman dan beramal soleh; dan tidak akan dapat menerima (pahala yang demikian) itu melainkan orang-orang yang sabar".

Lalu Kami timbuskan dia bersama-sama dengan rumahnya di dalam tanah, maka tidaklah ia mendapat sebarang golongan yang boleh menolongnya dari azab Allah, dan ia pula tidak dapat menolong dirinya sendiri.

Dan orang-orang yang pada masa dahulu bercita-cita mendapat kekayaan seperti Qarun - mulai sedar sambil berkata: "Wah! Sesungguhnya Allah memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dari hamba-hamba-Nya, dan Dialah juga yang menyempitkannya. Kalau tidak kerana Allah memberi pertolongan kepada kita tentulah kita akan dibinasakan dengan tertimbus di

**dalam tanah (seperti Qarun). Aduhai! Sesungguhnya orang-orang yang kufurkan nikmat Allah itu tidak akan berjaya!"**

(Surah Al-Qasas:79-82)

Al-Quran juga memaklumkan kepada kita bahawa ‘gossip’ dan ‘fitnah’ adalah di antara perbuatan yang tidak disukai Allah. Mencari-cari kesalahan orang lain, memfitnah dan menjadikan seseorang itu sasaran cemuhannya adalah perbuatan yang mesti dijauhi oleh orang-orang beriman. Di dalam Al-Quran, Allah mengharamkan gosip dan fitnah:

**Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.**

(Surah Al-Hujuraat:12)

Di dalam ayat ini, Allah menerangkan bahawa memfitnah itu adalah sama dengan memakan daging saudara sendiri.

Allah menyuruh kita berkelakuan baik di dalam pekerjaan harian kita. Hidup adalah satu peluang yang Allah berikan untuk mengikut jalan-Nya yang benar. Hari ini, ramai manusia tidak menyedari perkara ini. Mereka tidak mengikut ajaran dan suruhan Allah, tetapi sebaliknya mereka mencari panduan lain. Terpengaruh dengan filem-filem yang mereka tonton atau lagu-lagu yang mereka Dengari, mereka mengambil nilai-nilai yang salah. Contohnya, remaja yang menonton seorang hero yang kejam dan ganas di dalam filem, selalunya akan mula mencontohnya sebaik sahaja dia meninggalkan pawagam.



*Disebabkan oleh keangkuhannya terhadap Allah, bumi telah menelan Qarun bersama dengan harta kekayaannya.*

Seorang yang bijak dan mulia, bagaimanapun, akan sentiasa mempamerkan akhlak yang disukai Allah. Para nabi adalah mereka yang harus diteladani jejak langkah mereka. Akhlak yang mesti kita miliki adalah nilai-nilai yang Allah redai. Ini termasuklah pengasih, pemaaf, sopan, merendah diri, sabar dan taat kepada Allah dan rasul-Nya. Seseorang yang mengambil nilai-nilai mulia seperti ini tidak akan melibatkan diri di dalam pergaduhan, sebaliknya dia akan meleraikan mereka dan bertoleransi dengan mereka. Daripada menentang dan menderhaka ibu bapa, Al-Quran sebaliknya menyuruh kita mentaati dan menghormati mereka. Di dalam Al-Quran, Allah menekankan kepentingan menghormati kedua ibu bapa:

**Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedu-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan**

**peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).**


**Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhan! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil."**

(Surah Al-Isra:23-24)

Mentaati kedua ibubapa, tidak menunjukkan tanda-tanda jengkel kepada mereka seperti berkata "Isy", dan sentiasa mengasihani dan mengambil hati mereka adalah sikap-sikap penting yang dituntut Allah daripada kita. Mempamerkan sikap-sikap seperti ini membolehkan kita meraih kasih sayang Allah dan menjadikan kita lebih bahagia dan tenteram di dalam kehidupan sehari-hari kita.

Seseorang itu hanya dapat mempamerkan akhlak yang dikehendaki Al-Quran sekiranya dia hidup berdasarkan Al-Quran. Orang-orang kafir amat sukar untuk melaksanakan nilai-nilai murni ini. Kamu hendaklah mengelak daripada menjadi seperti mereka dan sentiasa ingat ayat berikut:





**Adakah kamu menyangka bahawa kamu akan masuk Syurga padahal belum lagi nyata kepada Allah (wujudnya) orang-orang yang berjihad (yang berjuang dengan bersungguh-sungguh) di antara kamu, dan (belum lagi) nyata (wujudnya) orang-orang yang sabar (tabah dan cekal hati dalam perjuangan)?**

*(Surah Ali 'Imran:142)*

Jangan lupa, Allah sentiasa lebih mengasihi kamu dan memberikan lebih nikmat-Nya kepada kamu sekiranya kamu bersabar, rendah diri, berkorban, bermurah hati dan berkelakuan baik.



## Beribadat Kepada Allah

*A*llah, Pencipta segala apa yang ada di dalam diri kamu dan sekeliling kamu, mempunyai kekuasaan tidak terbatas. Allah menjadikan kita dan memerintahkan kita patuh kepada-Nya dan berkelakuan baik sebagaimana digambarkan di dalam Al-Quran. Apa yang Allah tuntut daripada kita ialah ibadat. Puasa, sembahyang, bersyukur kepada Allah, bersabar dan berkelakuan baik adalah beberapa contoh ibadat.

Tetapi kebanyakan manusia, tidak menyedari tanggungjawab mereka, dan tidak mahu menerimanya. Disebabkan oleh

kesombongan mereka, mereka mendapatinya sukar untuk taat kepada Allah. Mereka tidak mahu mendengar Kalam Allah kerana merasakan diri mereka terlalu penting. Gagal menerima Allah yang menjadikan mereka, mereka telah menderhaka terhadap-Nya. Walaupun Allah yang memberikan mereka jantung, telinga, kesihatan mereka, dan ringkasnya, semua benda yang terdapat di bumi, tetapi mereka tidak berterimakasih kepada-Nya di atas segala nikmat-nikmat ini.

Tetapi mereka akan merasa sangat kesal. Kerana kekufturan dan kesombongan mereka akan menyebabkan mereka ditimpah kesusahan di dunia dan penyesalan di hari akhirat nanti. Kekufuran mereka di dunia ini akan membawa mereka ke neraka.

Sesiapa yang tidak mahu menyesal di hari kemudian dan dimasukkan ke dalam neraka, hendaklah berterima kasih kepada Allah. Allah mahu kita berterimakasih kepada-Nya dan berdoa dan menyembah-Nya sebagai balasan kepada nikmat-nikmat yang telah diberikan-Nya. Oleh itu, apabila kamu melihat kecantikan dan kesempurnaan anugerah-anugerah ini di sekeliling kamu – yang tidak mungkin dapat wujud secara kebetulan – kamu hendaklah mengingati Allah dan merasa syukur kepada-Nya. Jangan jadi seperti mereka yang gagal



mengenali dan menghargai setiap nikmat yang diberikan kepada mereka.

Di dalam Al-Quran, Allah memerintahkan kita menjalankan ibadat kita di samping bersyukur kepada-Nya. Mendirikan sembahyang lima waktu setiap hari, berpuasa di bulan Ramadhan, membayar zakat dan menunaikan haji (di Mekah sekali seumur hidup) jika berkemampuan, adalah di antara ibadat-ibadat yang dituntut Allah daripada kita.

Bersembahyang lima kali sehari dan mengamalkan budaya sembahyang di dalam hidup kita, di dalam keluarga kita dan di dalam masyarakat kita, akan membantu kita mengenali kelemahan kita sebagai hamba di hadapan Allah. Ia adalah satu ibadat yang mesti dilakukan pada masa tertentu. Allah memberitahu kita di dalam Al-Quran bahawa ibadat-ibadat ini membantu kita menjauhi perbuatan-perbuatan keji yang tidak direndai Allah.

Puasa juga salah satu bentuk ibadat yang diperintahkan di dalam Al-Quran. Pada bulan Ramadhan, Allah memerintahkan kita supaya tidak makan dan minum pada siang hari. Melaksanakan ibadat ini, akan membantu kita untuk bersabar ketika ketiadaan makanan dan minuman pada satu tempoh tertentu.

Membayar zakat, dari segi lain pula, memberikan satu bahagian harta seseorang itu kepada orang-orang miskin dan memerlukan dan siapa sahaja yang layak menerimanya. Seperti ibadat lain, melaksanakannya amat penting kerana ia membantu mengikis sifat kedekut, dan berkorban itu adalah sikap yang direndai Allah. Di samping itu, membayar zakat juga mewujudkan persepakatan di dalam masyarakat dan menguatkan jiwa manusia.

## Berdoa Satu Jalan Mendekatkan Diri Kepada Allah

Allah menekankan kepentingan doa. Allah menceritakan kepentingan doa di dalam ayat berikut:

**Katakanlah (wahai Muhammad kepada golongan yang ingkar): "Tuhanku tidak akan menghargai kamu kalau tidak adanya doa ibadat kamu kepada-Nya; (apabila kamu telah mengetahui bahawa Tuhanku telah menetapkan tidak menghargai seseorang pun melainkan kerana doa ibadatnya) maka sesungguhnya kamu telah pun menyalahi (ketetapan Tuhanku itu); dengan yang demikian, sudah tentu balasan azab (disebabkan kamu menyalahi itu) akan menimpa kamu".**

*(Surah Al-Furqan:77)*

Seperti disebutkan di dalam ayat di atas, nilai seseorang itu di hadapan Allah bergantung kepada doanya. Kerana apabila seseorang itu berdoa, dia meminta apa yang dikehendakinya daripada Allah sendiri. Allah adalah Pemilik segalanya.

Allah menjadikan apa sahaja yang kita perlukan. Contohnya, makanan yang penting untuk hidup manusia. Allah menjadikan sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, lembu dan sebagainya. Allah menjadikan kedua ibu bapa kamu dan semua manusia keliling kamu. Allah Yang Maha Kuasa, menganugerahkan manusia dengan tubuh mereka, kebijaksanaan, ilmu pengetahuan, kekuatan, kesihatan dan ruang untuk bergembira.

Seperti yang dinyatakan terdahulu, Allah menjadikan semua ini sebagai nikmat anugerah kepada kita. Kita berhutang makanan yang kita makan kepada Allah. Begitu juga, kita berhutang keupayaan



untuk makan makanan ini kepada Allah. Fikirkannya sejenak! Bagaimana kamu dapat mengunyah makanan kamu tanpa gigi? Bagaimana kamu hendak mencernanya tanpa perut? Apakah ertinya makanan tanpa sistem pencernaan?

Kamu terpelihara dengan kehendak Allah. Kerana Allah yang memberikan semua nikmat kepada kita, kepada Allahlah tempat kita berdoa apabila kita ingin meminta sesuatu atau mendapatkan sesuatu. Oleh itu, kita hendaklah memohon apa sahaja daripada Allah.

Contoh ini akan membolehkan kamu memahaminya dengan lebih baik:

Kamu menekan butang untuk menyalakan lampu. Bolehkah kamu katakan butang itu yang menjadikan cahaya? Sudah tentu



tidak. Butang hanyalah perantaraan, seperti juga kabel yang mengalirkan elektrik. Di dunia ini, Allah menjadikan sebab musabab untuk setiap kejadian. Dia menjadikan air. Di dalam empangan air ini mengalir melalui turbin-turbin besar, dan ia menghasilkan tenaga elektrik. Kabel mengalirkan elektrik dan akhirnya lampu menukar elektrik ini kepada cahaya. Tetapi sebenarnya Allahlah yang telah menjadikan cahaya. Jika Allah menghendaki, Dia boleh menjadikan elektrik tanpa sebarang sebab musabab. Tetapi Allah muh kita menggunakan kebijaksanaan kita untuk berfikir, untuk memikirkan apa yang telah Allah jadikan dan, dengan cara ini, ia akan beriman.

Kamu memutarkan pancur apabila kamu mahukan air. Tetapi bolehkah kamu katakan paip atau pancur itu yang mewujudkan air? Sama dengan butang, pancur hanyalah perantaraan, bukan penyebab.

Ini adalah pandangan yang mesti kita yakini, dan ia juga menjelaskan mengapa kita perlu berdoa. Kerana Allah menjadikan segalanya.

Senarai sebab-sebab mengapa kita perlu bersyukur kepada Allah boleh dimuatkan di dalam berjuta-juta jilid buku. Kerana itulah, kewujudan manusia sekeliling kamu yang tidak mengambil berat perkara ini tidak harus menggusarkan kamu. Kegagalan mereka menggunakan kebijaksanaan mereka dan tidak mahu berfikir telah menyebabkan mereka melakukan kesalahan besar.

Allah mengingatkan kita kesudahan mereka. Ganjaran pahala atau seksaan di akhirat kelak bergantung kepada bagaimana tingkah laku kita di dunia ini dan sama ada kita berusaha mendekatkan diri kepada Allah. Setiap orang akan dibalas segala perlakuannya di akhirat kelak.

### • Bagaimana Kita Hendak Berdoa

Fikirkan tentang kekuasaan dan anugerah Allah, takutkan-Nya dan memohon dengan penuh rasa rendah diri adalah antara cara untuk berdoa. Allah memberitahu kita bagaimana hendak berdoa di dalam Al-Quran.

**Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.**

*(Surah Al-A'raaf:55)*

Berdoa tidak terhad kepada tempat-tempat atau waktu tertentu. Kita boleh memikirkan Allah dan berdoa kepada-Nya bila-bila masa sahaja. Allah memerintahkan di dalam Al-Quran seperti berikut:

**(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.**

*(Surah Ali 'Imran:191)*

Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu).

Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar.

(Surah Al-Baqarah:152-153)

Allah memberikan beberapa contoh doa kepada kita di dalam Al-Quran. Sebahagiannya adalah doa-doa para nabi dan orang-orang beriman seperti berikut:



Nabi Nuh berkata: "Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada memohon sesuatu yang aku tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; dan jika Engkau tidak mengampunkan dosaku, dan memberi rahmat kepadaku, nescaya menjadilah aku dari orang-orang yang rugi".

(Surah Hud:47)

Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui;

"Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua: orang-orang Islam (yang berserah diri) kepadaMu, dan jadikanlah daripada keturunan kami: umat Islam (yang berserah diri) kepadamu, dan tunjukkanlah kepada kami syariat dan cara-cara ibadat kami, dan terimalah taubat kami; sesungguhnya Engkaulah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihi;

"Wahai Tuhan Kami! Utuslah kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat (firmanMu) dan mengajarkan mereka isi kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan dan membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan maksiat). Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

(Surah Al-Baqarah:127-129)

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan daku sebahagian dari kekuasaan (pemerintahan) dan mengajarku





sebahagian dari ilmu tafsiran mimpi. Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi, Engkau Penguasa dan Pelindungku di dunia dan di akhirat; sempurnakanlah ajalku (ketika mati) dalam keadaan Islam, dan hubungkanlah daku dengan orang-orang yang soleh".

*(Surah Yusuf:101)*

Maka tersenyumlah Nabi Sulaiman mendengar kata-kata semut itu, dan berdoa dengan berkata:" Wahai Tuhan, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatMu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibubapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan masukkanlah daku - dengan limpah rahmatMu - dalam kumpulan hamba-hambaMu yang soleh".

*(Surah An-Naml:19)*

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkau yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

*(Surah Ali 'Imran:26)*

**Nabi Musa berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan, lapangkanlah bagiku, dadaku;**

**"Dan mudahkanlah bagiku, tugasku;**

**"Dan lepaskanlah simpulan dari lidahku,**

**"Supaya mereka faham perkataanku;**

**"Dan jadikanlah bagiku, seorang penyokong dari keluargaku.**

**"Iaitu Harun saudaraku;**

**"Kuatkanlah dengan sokongannya, pendirianku,**

**"Dan jadikanlah dia turut campur bertanggungjawab dalam urusanku,**

**"Supaya kami sentiasa beribadat dan memujiMu,**

**"Dan (supaya) kami sentiasa menyebut dan mengingatiMu;**

**"Sesungguhnya Engkau adalah sedia melihat dan mengetahui hal ehwal kami".**

*(Surah Ta Ha:25-35)*

(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.

Wahai Tuhan kami! Sebenarnya sesiapa yang Engkau masukkan ke dalam neraka maka sesungguhnya Engkau telah menghinakannya, dan orang-orang yang zalim tidak akan beroleh seorang penolong pun;

Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang Penyeru (Rasul) yang menyeru kepada iman, katanya: 'Berimanlah kamu kepada Tuhan kamu', maka kami pun beriman. Wahai Tuhan kami, ampunkanlah dosa-dosa kami, dan hapuskanlah daripada kami kesalahan-kesalahan kami, dan matikanlah kami bersama orang-orang yang berbakti;

**Wahai Tuhan kami! Berikanlah kepada kami pahala yang telah Engkau janjikan kepada kami melalui Rasul-rasulMu, dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari kiamat; sesungguhnya Engkau tidak memungkiri janji”.**

Maka Tuhan mereka perkenankan doa mereka (dengan firmanNya): "Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal dari kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya yang lain; maka orang-orang yang berhijrah (kerana menyelamatkan agamanya), dan yang diusir ke luar dari tempat tinggalnya, dan juga yang disakiti (dengan berbagai-bagai gangguan) kerana menjalankan agamaKu, dan yang berperang (untuk mempertahankan Islam), dan yang terbunuuh (gugur Syahid dalam perang Sabil) - sesungguhnya Aku akan hapuskan kesalahan-kesalahan mereka, dan sesungguhnya Aku akan masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, sebagai pahala dari sisi Allah. Dan di sisi Allah jualah pahala yang sebaik-baiknya (bagi mereka yang beramal soleh)”.

*(Surah Ali 'Imran:191-195)*



## Kematian Dan Kehidupan Di Dalam Alam Baqa

*S*etengah manusia menganggap kematian sebagai penamat. Tetapi sebenarnya kematian adalah satu perpindahan dari kehidupan di dunia ini kepada kehidupan di akhirat. Ia umpama pintu gerbang untuk ke akhirat.

Di sebalik pintu gerbang ini, iaitu kehidupan alam baqa di mana kita akan

memasuki syurga atau neraka bergantung kepada keimanan sebenar kita kepada Allah dan cubaan Allah terhadap kelakuan kita di dunia.

Kematian hanyalah satu penamat untuk satu tempoh tertentu. Ia seperti deringan loceng di sekolah yang menandakan tamatnya waktu peperiksaan. Allah memberikan jangka waktu percubaan berbeza untuk setiap manusia. Sebahagian manusia mempunyai tiga puluh tahun, sementara yang lain dapat hidup sehingga seratus tahun. Sebagaimana Allah menetapkan tarikh kelahiran kamu, di mana bermulanya waktu percubaan kamu, maka Allah juga menentukan bila waktu ini tamat. Dengan kata lain, hanya Allah mengetahui bilakah kamu akan mati.

## **Bagaimana Kita Menerima Kematian?**

Kematian, penamat waktu percubaan di dunia, adalah satu kegembiraan dan kebahagiaan kepada orang-orang beriman. Apakah kita akan merasa sedih jika seseorang itu berjaya lulus peperiksaan? Kamu mungkin kehilangan saudara terdekat atau seorang yang dikasihi. Tetapi orang beriman mengetahui bahawa kematian bukan perpisahan selamanya, dan mereka yang meninggal dunia sebenarnya telah menamatkan tempoh ujian mereka di dunia ini. Dia tahu di alam baqa, Allah akan mengumpulkan orang-orang Islam yang mengikut suruhan-Nya dan memasukkan mereka ke dalam syurga. Dengan itu mereka tidak akan merasa sedih sebaliknya gembira.

Allah boleh meragut nyawa kamu bila-bila masa sahaja. Oleh itu, kita harus berusaha mendapat keredaan Allah.

Kesimpulannya, kematian bukan penamat tetapi sebaliknya adalah sebuah pintu gerbang yang membawa kita ke alam baqa.

Kehidupan di alam baqa adalah kehidupan yang sebenar dan ia akan berkekalan selama-lamanya, dan kita perlu bersedia. Pada fikiran kamu, adakah orang yang mengambil peperiksaan mahu kekal selama-lamanya? Sudah tentu tidak. Dia hanya mahu menjawab semua soalan dengan betul dan kemudian meninggalkan kelas.

Di dunia ini juga, seseorang itu perlu berusaha untuk lulus di dalam peperiksaan, mendapat keredaan Allah dan memasuki syurga-Nya.

Di dunia ini, matlamat utama manusia mestilah untuk menyayangi Allah dan mendapat keredaan-Nya. Kerana Allah Yang Maha Kuasa menyayangi kita dan sentiasa melindungi kita. Sepotong ayat Al-Quran memetik ucapan seorang nabi:

... Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengawal dan Pemelihara tiap-tiap sesuatu."

*(Surah Hud:57)*

## Alam Baqa

Allah menyebut tentang dunia sementara ini di dalam banyak ayat Al-Quran dan menegaskan kediaman sebenar manusia ialah di alam baqa. Seorang manusia yang telah diuji di dunia akan dimatikan dan kemudian memulakan kehidupannya di akhirat. Ia adalah kehidupan tanpa penghujung. Allah menjadikan berbagai nikmat di dunia ini. Dia menjadikan kehidupan di dunia ini untuk melihat apa yang akan kita lakukan sebagai balasan kepada nikmat-nikmat yang telah kita kecapi. Sebagai ganjaran atau balasan, Allah juga telah menjadikan syurga dan neraka.

Allah memaklumkan kita bagaimana seorang manusia akan dibalas di akhirat kelak:

**Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahanan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahanan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianaya (sedikitpun).**

*(Surah Al-An'am:160)*

Allah sangat penyayang kepada manusia. Dia banyak memberikan mereka anugerah. Tetapi mereka yang layak menerima balasan hanya akan dibalas dengan kejahanan setimpal yang pernah mereka lakukan. Allah tidak menzalimi manusia. Hanya manusia yang menzalimi manusia lain. Di dunia ini, seorang yang bersalah boleh menipu atau memperdayakan orang lain, tetapi di akhirat jika dia tidak beriman kepada Allah dan kesatuan-Nya, Allah pasti akan menghukumnya, dan jika dia seorang Islam Allah mungkin menghukum atau memaafkannya. Allah melihat dan mengetahui segalanya, dan dengan itu Dia membalas setiap perbuatan.

## Syurga dan Neraka

Syurga dan neraka adalah dua tempat berbeza di mana manusia akan hidup selepas mati. Al-Quran telah memberikan kita maklumat tentang tempat-tempat ini.

Kamu mungkin pernah ke tempat-tempat yang mempunyai landskap yang cantik atau melihat pemandangan menakutkan di dalam filem. Ada beberapa tempat kamu tidak mahu meninggalkannya. Syurga adalah jauh lebih cantik daripada tempat-tempat ini. Makanan yang akan dinikmati oleh orang-orang beriman adalah jauh lebih lazat daripada makanan di dunia ini.

Allah, Pencipta kepada semua keindahan di dunia ini, memaklumkan kita bahawa Dia menjadikan kecantikan yang lebih hebat di dalam syurga untuk orang-orang beriman.

## **Kesusahan Di Dunia Ini Membolehkan Kita Memahami Keindahan Syurga Dengan Lebih Baik**

Kita menghadapi berbagai kesusahan di dunia ini. Kita jatuh sakit, mungkin patah tangan atau kaki, kita merasa terlalu sejuk atau panas, perut kita sakit, kulit kita lebam dan lain-lain. Perhatikan gambar ibu bapa kamu ketika mereka muda dan fikirkan wajah mereka hari ini. Kamu akan mengesan perbezaannya.

Allah menjadikan kelemahan-kelemahan ini untuk manusia di dunia ini. Tetapi tidak satu pun kelemahan ini wujud di akhirat kelak. Disebabkan oleh kelemahan-kelemahan di dunia ini, kita lebih menghargai ganjaran di syurga. Apabila memasuki syurga semua kelemahan akan hilang. Fikirkan tentang apa yang tidak kamu sukai di dunia ini... Tidak satu pun wujud di alam baqa.

Syurga dihiasi dengan berbagai kenikmatan yang manusia ingin capai. Makanan dan minuman terbaik di dunia pun tidak dapat menandingi apa yang ada di syurga. Manusia tidak akan merasa sejuk atau panas di sini. Ia tidak jatuh sakit, takut, berduka cita atau menjadi tua. Kamu tidak akan menemui orang yang lemah di sana. Kerana mereka yang lemah, iaitu mereka yang kufur kepada Allah dan menafikan-Nya, kekal di dalam neraka, tempat yang selayaknya bagi mereka. Mereka yang berada di syurga bercakap di antara satu sama lain dengan ramah; mereka tidak mengutuk, menjadi marah, menjerit atau menyakiti sesiapa. Semua manusia baik yang mempunyai keimanan kepada Allah

dan mereka yang melakukan perkara-perkara yang direndai Allah dan layak memasuki syurga, menjadi kawan selama-lamanya.

Daripada Al-Quran kita mengetahui benda-benda menakjubkan wujud di dalam syurga: Rumah-rumah besar, taman-taman yang rendang, dan sungai-sungai yang mengalir menambahkan kegembiraan ahli syurga. Sebenarnya apa yang kita sebutkan tidak memadai untuk menggambarkan sendiri kenikmatan-kenikmatan syurga. Keindahan syurga lebih jauh daripada imaginasi kita.

Di dalam Al-Quran, Allah memaklumkan kita tentang syurga, manusia akan mendapat lebih dari apa yang jangkakannya. Fikirkan tentang sesuatu yang kamu inginkan atau suatu tempat yang ingin kamu lawati. Dengan izin Allah kamu akan memiliki dalam sekilip mata. Sebahagian ayat Al-Quran yang menceritakan keindahan syurga seperti berikut:

**Sifat Syurga yang telah dijanjikan kepada orang-orang yang bertakwa (ialah seperti berikut): ada padanya beberapa sungai dari air yang tidak berubah (rasa dan baunya), dan beberapa sungai dari susu yang tidak berubah rasanya, serta beberapa sungai dari arak yang lazat bagi orang-orang yang meminumnya, dan juga beberapa sungai dari madu yang suci bersih. Dan ada pula untuk mereka di sana segala jenis buah-buahan, serta keredaan dari Tuhan mereka. (Adakah orang-orang yang tinggal kekal di dalam Syurga yang sedemikian itu keadaannya) sama seperti orang-orang yang tinggal kekal di dalam neraka dan diberi minum dari air yang menggelegak sehingga menjadikan isi perut mereka hancur? (Sudah tentu tidak sama)!**

(Surah Muhammad:15)

**(Balasan mereka ialah) Syurga - syurga " Adn ", yang mereka akan masukinya; mereka dihiaskan di dalamnya dengan gelang-gelang tangan dari emas dan mutiara; dan pakaian mereka di situ adalah dari sutera.**

(Surah Faatir:33)



Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, Kami akan tempatkan mereka dalam mahligai-mahligai di Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya. Demikianlah balasan yang sebaik-baiknya bagi orang-orang yang beramal soleh.

(Surah Al-'Ankabut:58)



"Kamilah penolong-penolong kamu dalam kehidupan dunia dan pada hari akhirat; dan kamu akan beroleh - pada hari akhirat - apa yang diingini oleh nafsu kamu, serta kamu akan beroleh - pada hari itu - apa yang kamu cita-citakan mendapatnya.

*(Surah Fussilat:31)*

Sesungguhnya penduduk Syurga pada hari itu, berada dalam keadaan sibuk leka menikmati kesenangan;

Mereka dengan pasangan-pasangan mereka bersukaria di tempat yang teduh, sambil duduk berbaring di atas pelamin;

Mereka beroleh dalam Syurga itu pelbagai jenis buah-buahan, dan mereka beroleh apa sahaja yang merekakehendaki;

(Surah Yaa Siin:55-57)

Allah juga memaklumkan kita mereka yang layak menerima syurga akan kekal di dalamnya selamalamanya:

Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh - (dengan tidak menjadi keberatan kepada mereka, kerana) Kami tidak memberati diri seseorang (dengan kewajipan) melainkan sekadar yang terdaya olehnya, - merekalah ahli Syurga, mereka kekal di dalamnya.

(Surah Al-A'raaf:42)

Pada dasarnya, seorang yang beriman senang mendapat pemberian Allah. Mengetahui dan menyedari ini adalah satu kegembiraan yang paling hebat kepada manusia di dunia ini.





125



Mereka bersenang-lenang di antara  
pohon-pohon bidara yang tidak berduri.

Dan pokok-pokok pisang yang tersusun rapi buahnya,

Dan naungan yang tetap terbentang,

Dan air yang sentiasa mengalir,

Serta buah-buahan yang banyak,

Yang tidak putus-putus dan tidak pula  
terlarang mendapatnya,

Dan tempat-tempat tidur yang  
tertinggi keadaannya.

*(Surah Al-Waqi'ah:28-34)*

## **Seksaan Di Dalam Neraka Akan Berkekalan Selama-lamanya**

Mereka yang kufur kepada Allah dan menolak kewujudan-Nya juga akan dibalas di atas apa yang telah mereka lakukan. Mereka tidak menerima Allah atau mempercayai bahawa Dia adalah yang telah menjadikan segalanya, dan mereka menunjukkan kebongkakan mereka, gagal melakukan ibadat yang wajib ke atas mereka dan kerana itu mereka juga memberontak di dunia ini. Balasan kepada semua ini, mereka akan dihukum di dalam neraka.

Sesetengah manusia melakukan beberapa jenayah di dunia. Apabila tiada sesiapa yang menyaksikannya, mereka akan terlepas tanpa dihukum. Tetapi mereka lupa Allah sentiasa melihat mereka setiap masa, dan mengetahui hingga ke isi hati mereka.

Setiap orang akan dibalas di atas kebaikan dan kejahatan yang dilakukannya. Allah mempunyai keadilan yang tidak terbatas, di dalam ayat-ayat Al-Quran Dia memberikan berita gembira bahawa setiap zarah kebaikan itu akan diberi ganjarannya. Allah juga memberitahu kita bahawa manusia akan diberi ganjaran sekiranya mereka bertaubat dan memohon keampunan daripada-Nya. Dengan itu, Allah juga mengancam mereka yang tidak mempercayai-Nya, gagal mentaati perintah-Nya di dalam Al-Quran dan merasakan tiada kehidupan lain selepas mati.

Neraka adalah balasan mereka yang bersalah dan melakukan penderhakaan kepada Allah. Allah menggambarkan situasi mereka di dalam Al-Quran:

**(Tuhan berfirman: Orang-orang kafir itu ialah) orang-orang yang menjadikan perkara-perkara agama mereka sebagai hiburan yang melalaikan dan permainan, dan orang-orang yang telah terpedaya dengan kehidupan dunia (segala kemewahannya dan**

**kelazatannya). Oleh itu, pada hari ini (hari kiamat), Kami lupakan (tidak hiraukan) mereka sebagaimana mereka telah lupa (tidak hiraukan persiapan-persiapan untuk) menemui hari mereka ini, dan juga kerana mereka selalu mengingkari ayat-ayat keterangan Kami.**

(*Surah Al-A'raaf:51*)

Di dalam neraka seksaan pedih yang tidak sama dengan kesakitan di dunia, menanti mereka ini di neraka. Neraka adalah sebuah tempat yang dikelilingi ketakutan, kesakitan, tekanan dan kesedihan. Ahli neraka memohon dan meminta daripada Allah jalan keluar daripada neraka ini. Tetapi, apabila telah berada di dalam neraka, sudah terlambat untuk merasa menyesal. Kami sebutkan terdahulu penyesalan Firaun. Allah memberikan manusia peluang sehingga pada saat-saat kematian. Bagaimanapun, apabila dia telah meninggal dunia dan memulakan kehidupan baru di alam baqa, penyesalan tidak lagi berguna.

Ahli neraka hidup dalam keadaan yang lebih teruk daripada haiwan untuk selama-lamanya. Satu-satunya makanan yang mereka ada ialah buah pahit yang berduri dan pokok Zaqqum. Mereka minum air panas yang menggelegak dan nanah. Dengan kulit terkoyak dan daging terbakar, mereka berada di dalam keadaan yang teruk. Dengan tangan terikat, mereka dilemparkan ke kerak api. Tambahan pula, kehidupan yang perit ini akan berlangsung selama-lamanya.

Ramai orang percaya neraka adalah tempat sementara, dan apabila mereka telah dihukum di atas segala kesalahan mereka, mereka kemudian akan masuk syurga. Pertimbangan seperti ini terpulang kepada Allah, yang memberitahu kita di dalam Al-Quran seperti berikut:

**Mereka ditimpakan (azab seksa) neraka yang ditutup rapat (supaya kuat pembakarannya).**

(*Surah Al-Balad:20*)

**Yang demikian ialah disebabkan mereka (mendakwa dengan) berkata: "Kami tidak sekali-kali akan disentuh oleh api neraka melainkan beberapa hari sahaja yang boleh dihitung". Mereka (sebenarnya) telah diperdayakan dalam agama mereka, oleh dakwaan-dakwaan dusta yang mereka telah ada-adakan.**

*(Surah Ali 'Imran:24)*

Bagaimanapun, apa yang perlu dilakukan oleh seorang Muslim yang mengetahui kesilapan dan perbuatannya yang salah ialah menyesalinya, berdoa dan mencari pengampunan Allah. Di dalam Al-Quran, Allah memberitahu kita bahawa Dia akan mengampunkan sebarang kesalahan apabila kita telah bertaubat dengan ikhlas. Firman Allah di dalam Al-Quran:

**Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.**

*(Surah Az-Zumar:53)*

Adalah penting bagi seseorang itu untuk mengetahui kesilapannya sendiri dan memohon keampunan daripada Allah untuk mengelakkan penyesalan yang tidak berkesudahan di akhirat kelak, dan untuk menyelamatkan diri daripada seksaan neraka yang tidak tertanggung.

# Kesimpulan

*W*

ahai adik-adik! Di dalam buku ini kita telah menyentuh fakta paling penting di dalam hidup kita. Kami mengemukakan soalan seperti, “Apakah matlamat hidup kita?”, “Bagaimana Allah yang menjadikan kita dan semua di sekeliling kita, mahu kita berkelakuan?”, “Apakah tanggungjawab kamu terhadap Pencipta kamu?”, “Apakah kehidupan di alam baqa?”, “Kenapa kita takut dihumban ke neraka?”, dan lain-lain.

Kami berharap anda akan memikirkan persoalan ini dengan baik. Sekarang ini, kamu masih muda, tetapi jangan lupa suatu hari nanti kamu akan menjadi tua.

Mungkin ada sesiapa di sekeliling kamu menyatakan kamu terlalu muda untuk memikirkan soal kematian. Tetapi kamu harus sentiasa ingat tiada siapa dapat mengetahui bila kematian itu akan datang kepadanya. Kamu mungkin akan mati dalam masa sehari atau sepuluh tahun nanti. Apabila kamu memikirkan semua perkara ini, kamu akan sedar betapa ruginya membuang masa.

Jangan lupa kamu boleh mereka berbagai alasan untuk semua perkara. Kamu juga boleh meyakinkan orang lain. Tetapi di dalam kehidupan di alam baqa yang bermula selepas mati, kamu tidak akan dapat membuat sebarang alasan untuk kesalahan dan kesilapan kamu di hadapan Allah, Yang mengetahui dan melihat segalanya.

Kerana itu, kamu mesti memikirkan fakta-fakta ini tanpa membuang masa dan mula berusaha menjadi seorang yang mencintai Allah.

*Malaikat itu menjawab:  
"Maha suci Engkau (Ya Allah)!  
Kami tidak mempunyai pengetahuan  
selain dari apa yang Engkau ajarkan  
kepada kami; sesungguhnya Engkau  
jualah yang Maha Mengetahui,  
lagi Maha Bijaksana".*

*(Surah Al-Baqarah:32)*

